





PROSEDUR PERMOHONAN PEMASANGAN UTILITI DI JALAN PERSEKUTUAN TAHUN 2022



Cawangan Senggara Fasiliti Jalan
Jabatan Kerja Raya Malaysia

PENDAHULUAN

Prosedur Permohonan Pemasangan Utiliti di Jalan Persekutuan Tahun 2022 merupakan versi kemaskini kepada Prosedur Permohonan Syarikat Utiliti Kepada JKR (Pindaan 2018). Penambahbaikan kepada prosedur terdahulu adalah disebabkan oleh rayuan yang diterima di peringkat pengurusan atasan Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) atau Jabatan Kerja Raya (JKR) mengenai kadar wang cagaran (deposit keselamatan) terlalu tinggi dikenakan kepada pihak yang ingin memasang utiliti di jalan Persekutuan.

Lanjutan daripada itu, pihak Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ), JKR telah melaksanakan beberapa siri perbincangan dan lawatan sebagaimana berikut:

- (a) Bengkel Penambahbaikan Prosedur Permohonan Syarikat Utiliti Kepada JKR pada 28-30 April 2019 yang melibatkan KKR, JKR dan kementerian serta agensi utiliti;
- (b) Mesyuarat Bersama Syarikat Utiliti pada 28 Mei 2019;
- (c) Lawatan Teknikal Pelaksanaan Kerja *Horizontal Directional Drilling* (HDD) pada 2 Mac 2020; dan
- (d) Mesyuarat Penambahbaikan Kaedah Pembayaran Deposit Keselamatan pada 28 Julai 2020.

Selain daripada penambahbaikan kepada kadar deposit keselamatan, pindaan turut dibuat ke atas kandungan prosedur semasa yang dapat membantu pihak JKR Negeri dan Daerah semasa mentadbir dan mengawal keseluruhan aktiviti pemasangan utiliti di jalan Persekutuan.

Walaupun prosedur ini khusus untuk jalan Persekutuan, namun prosedur ini juga boleh diguna pakai untuk jalan Negeri **dengan syarat mendapat kelulusan dan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri berkenaan.**

Sekiranya terdapat sebarang maklumbalas berhubung prosedur ini, maklumbalas tersebut boleh disalurkan kepada:

Pengarah
Cawangan Senggara Fasiliti Jalan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 2, Blok D (Lama)
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

PENGHARGAAN

Prosedur Permohonan Pemasangan Utiliti di Jalan Persekutuan Tahun 2022 ini telah disediakan oleh pegawai-pegawai berikut:

Ir. Muhammad Harridzan bin Abdullah	}	Caw. Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ)
Mohd Imran bin Ismail		
Hazmatul Farha binti Hamzah		
Muhammad Aidil bin Razak		

Sekalung penghargaan ditujukan khusus kepada:

Datuk Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman	Ketua Pengarah Kerja Raya
Dato' Ir. Haji Ahmad Redza bin Ghulam Rasool	TKPKR (Sektor Infra)
Sr. Amran bin Haji Mohd Majid	TKPKR (Sektor Pakar)
Ir. Rahmat bin Haji Abd. Rahman	TKPKR (Sektor Bangunan)
Ir. Ibrahim bin Esa	Pengarah CSFJ

Ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan juga kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbangkan idea atau pandangan sehingga terhasilnya Prosedur Permohonan Pemasangan Utiliti di Jalan Persekutuan Tahun 2022.

SENARAI KANDUNGAN

			Muka surat
PENDAHULUAN			i
PENGHARGAAN			ii
SENARAI JADUAL			v
SENARAI RAJAH			vi
SENARAI LAMPIRAN			vii
SENARAI BORANG			ix
SENARAI UNDANG-UNDANG, GARIS PANDUAN, ARAHAN TEKNIK, PEKELILING DAN LAIN-LAIN			x
SINGKATAN			xi
TAFSIRAN ISTILAH			xii
1.0	LATAR BELAKANG		1
2.0	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG		
	2.1	Kuasa Menteri Kerja Raya di bawah seksyen 85 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [<i>Akta 333</i>]	3
	2.2	Menteri Kerja Raya Mewakulkan Kuasa	7
3.0	PEMASANGAN UTILITI AWAM DI JALAN PERSEKUTUAN		
	3.1	Senario Pemasangan Utiliti	8
	3.2	Pihak Yang Mengemukakan Permohonan Izin Lalu	9
	3.3	Pihak Yang Mengemukakan Permohonan Kelulusan/ Permit	9
	3.4	Pembayar Deposit Keselamatan	10
4.0	SEBELUM MEMULAKAN KERJA		
	4.1	Permohonan Izin Lalu Kepada Pengarah JKR Negeri	13
	4.2	Permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti	14
5.0	DEPOSIT KESELAMATAN		12

	5.1	Ringkasan Deposit Keselamatan dan Jadual Kadar Kaedah Pemasangan	15
	5.2	Contoh Pengiraan Deposit Keselamatan Menggunakan Jadual Kadar Kaedah Pemasangan	18
6.0		SEMASA MENJALANKAN KERJA	25
7.0		SELEPAS SIAP MENJALANKAN KERJA	32
8.0		PEMBAIKAN JALAN/ ASET JALAN/ SEMPADAN ROW DISEBABKAN KERJA SEMASA/ SELEPAS PEMASANGAN UTILITI	34
9.0		TATACARA TUNTUTAN KEPADA DEPOSIT KESELAMATAN (JAMINAN BANK) BAGI KERJA PEMBAIKAN OLEH PIHAK KETIGA	35
10.0		TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL OLEH PENGARAH JKR NEGERI	39

SENARAI JADUAL

JADUAL			Muka surat
Jadual 1	-	Pegawai yang diwakilkan kuasa oleh Menteri Kerja Raya	7
Jadual 2	-	Deposit Keselamatan	16
Jadual 3	-	Kadar Kaedah Pemasangan	17

SENARAI RAJAH

RAJAH			Muka surat
Rajah 1	-	Carta Alir Keseluruhan Aktiviti Kerja Pemasangan Utiliti	2
Rajah 2A & Rajah 2B	-	Carta Alir Proses Sebelum Memulakan Kerja	11-12
Rajah 3	-	Carta Alir Proses Semasa Menjalankan Kerja	25
Rajah 4	-	Carta Alir Proses Selepas Siap Menjalankan Kerja	32
Rajah 5A & Rajah 5B	-	Carta Alir Tindakan Pembetulan Disebabkan Kerja Semasa/ Selepas Pemasangan Utiliti	37-38

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN			Muka surat
LAMPIRAN A	-	Permohonan Izin Lalu	43
LAMPIRAN B	-	Permohonan Izin Lalu – <i>Dokumen Tidak Mencukupi</i>	44
LAMPIRAN C	-	Permohonan Izin Lalu – <i>Maklumbalas Dokumen Tidak Mencukupi</i>	45
LAMPIRAN D	-	Permohonan Izin Lalu – <i>Memberi Kebenaran</i>	46
LAMPIRAN E	-	Permohonan Izin Lalu – <i>Tidak Memberi Kebenaran</i>	47
LAMPIRAN F	-	Permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti – Pengemukaan Dokumen	48
LAMPIRAN G	-	Permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti – Dokumen Tidak Mencukupi	50
LAMPIRAN H	-	Permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti – Maklumbalas Dokumen Tidak Mencukupi	51
LAMPIRAN I	-	Permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti – Pengemukaan Dokumen Untuk Kelulusan	52
LAMPIRAN J	-	Permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti	53
LAMPIRAN K	-	Notis Menguatkuasakan Syarat Yang Ditetapkan	62
LAMPIRAN L	-	Notis Menguatkuasakan Syarat Yang Ditetapkan– Maklumbalas	64
LAMPIRAN M	-	Pemakluman Kerja Telah Disiapkan	65
LAMPIRAN N	-	Endosmen Jurutera Profesional	66
LAMPIRAN O	-	Penerimaan Siap Kerja	67
LAMPIRAN P	-	Pemulangan Deposit Keselamatan - <i>Hanya Senario 1 & 2</i>	68
LAMPIRAN Q	-	Templat Jaminan Bank	69
LAMPIRAN R	-	Tuntutan Ke Atas Kerja Pembaikan Yang Dilaksanakan Oleh Pihak Ketiga Yang Dilantik JKR (Projek utiliti oleh Kementerian/	71

LAMPIRAN			Muka surat
		Jabatan)	
LAMPIRAN S	-	Invois Tuntutan Bagi Kerja Pembaikan Jalan/ Aset Jalan/ Sempadan ROW Yang Dilaksanakan Oleh Pihak Ketiga Disebabkan Utiliti (Jurutera Daerah kepada Pengarah JKR Negeri)	73
LAMPIRAN T	-	Tuntutan Ke Atas Jaminan Bank Bagi Kerja Pembaikan Yang Dilaksanakan Oleh Pihak Ketiga Yang Dilantik JKR	74
LAMPIRAN U	-	Pemakluman Mengenai Status Bayaran	76
LAMPIRAN V	-	Laporan Polis	77

SENARAI BORANG

BORANG			Muka surat
BORANG JKR/P-01/2022	-	Senarai Semak Permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti Di Jalan Persekutuan	78
BORANG JKR/P-02/2022	-	Borang Permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti Di Jalan Persekutuan	79
BORANG JKR/P-03/2022	-	Akujanji Antara Pemohon Dan Pengarah JKR Negeri	84
BORANG JKR/P-04/2022	-	Borang Pemeriksaan Jalan/ Aset Jalan	86
BORANG JKR/P-05/2022	-	Pemakluman Dilantik Sebagai Jurutera Profesional Awam (Dengan Perakuan Amalan)/ Jurutera Perunding Awam	87
BORANG JKR/P-06/2022	-	<i>Checklist</i> Sebelum Memulakan Kerja Pemasangan Utiliti	89

SENARAI UNDANG-UNDANG, GARIS PANDUAN, ARAHAN TEKNIK, PEKELILING DAN LAIN-LAIN

1. Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]
2. Akta Perwakilan Kuasa 1956 [*Akta 358*]
3. Kanun Tanah Negara (Semakan 2020) [*Akta 828*]
4. P.U. (B) 44/1996 – Akta Perwakilan Kuasa 1956: Perwakilan Kuasa Di Bawah Seksyen 85 Akta Pengangkutan Jalan 1987
5. Arahan Teknik (Jalan) 2C/85 – *Manual on Traffic Control Devices, Temporary Signs and Work Zone Control*
6. Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 1 Tahun 2006: Garis Panduan Mengenai Pemetaan Utiliti Bawah Tanah
7. Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 2 Tahun 2016: Garis Panduan Penerimaan Data Digital dan Pelan Utiliti dari Juruukur Tanah Bertauliah (JTB) oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
8. *Standard Specification For Road Works – Section 4: Flexible Pavement* (JKR/SPJ/2008-S4)
9. *Uniform Technical Guidelines Water Reticulation and Plumbing* oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)
10. Penyata Kaedah Kerja Selamat oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

SINGKATAN

Akta 333	-	Akta Pengangkutan Jalan 1987
Akta 358	-	Akta Perwakilan Kuasa 1956
ATJ 2C/85	-	Arahan Teknik (Jalan) 2C/85 – Manual on Traffic Control Devices, Temporary Signs and Work Zone Control
DLP	-	<i>Defect Liability Period</i> (Tempoh Tanggungan Kecacatan)
Garis Panduan JUPEM		1. Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 1 Tahun 2006: Garis Panduan Mengenai Pemetaan Utiliti Bawah Tanah; dan 2. Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 2 Tahun 2016: Garis Panduan Penerimaan Data Digital dan Pelan Utiliti dari Juruukur Tanah Bertauliah (JTB) oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
HDD	-	<i>Horizontal Directional Drilling</i>
JKR	-	Jabatan Kerja Raya Malaysia
JD	-	Jurutera Daerah JKR
JKKP	-	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
JUPEM	-	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
KTN	-	Kanun Tanah Negara (Semakan 2020) [Akta 828]
PEPC	-	<i>Professional Engineer with Practising Certificate</i> (Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan)
P.U.(B)	-	Pemberitahu Undangan B
RM	-	Ringgit Malaysia
ROW	-	Right of Way
SPJ	-	<i>Standard Specification For Road Works – Section 4: Flexible Pavement</i> (JKR/SPJ/2008-S4)
TCP	-	<i>Traffic Control Plan</i> (Pelan Kawalan Trafik)
UDM	-	<i>Utility Detection Mapping</i> (Pemetaan Pengesanan Utiliti)

TAFSIRAN ISTILAH

<i>Roller</i>	-	Mesin untuk memadatkan tanah dan turapan (<i>pavemen</i>).
<i>Carriageway</i>	-	Lorong jalan raya untuk laluan kenderaan.
<i>Crusher run</i>	-	Batu yang dipecahkan dalam dua peringkat bagi memperolehi gred dan kestabilan yang baik.
Deposit Keselamatan	-	Wang yang dibayar oleh pihak utiliti sebagai jaminan kepada Kerajaan bahawa pihak utiliti akan mematuhi dan melaksanakan segala syarat-syarat yang ditetapkan.
Izin Lalu	-	Kebenaran yang diberikan kepada pihak utiliti bagi menjalankan kerja ukur (sempadan ROW), penandaan jajaran utiliti di tapak serta Pemetaan Pengesanan Utiliti (Utility Detection Mapping) oleh Juruukur Tanah Bertauliah.
Jaminan Bank	-	Suatu aku janji tidak bersyarat oleh sesuatu Institut Kewangan yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan untuk membayar kepada Kerajaan suatu amaun tertentu atas tuntutan Kerajaan sekiranya pihak utiliti tidak atau gagal mematuhi atau melaksanakan obligasinya menurut syarat-syarat kelulusan.
Kaedah <i>Trenchless</i>	-	Penanaman paip air, kabel atau saluran kumbahan tanpa pengorekan terbuka menggunakan kaedah HDD/ <i>Micro Tunelling/ Pipe Jacking/ Thrust Boring</i> .
<i>Paved</i>	-	Kawasan berturap.
<i>Pavemen</i>	-	Turapan jalan raya.
Pemetaan Pengesanan Utiliti	-	Pengesanan bagi mengenalpasti jenis pemasangan dan utiliti kemudahan awam yang tertanam di bawah tanah selaras dengan Garis Panduan JUPEM.
Pelan Kawalan Trafik (<i>Traffic Control Plan</i>)	-	Lukisan terperinci yang menunjukkan lokasi peranti/ alat kawalan trafik mengikut aturan pembinaan.

<i>Pit</i>	-	Lubang bersaiz tertentu yang digali untuk kaedah HDD/ <i>Micro Tunelling/ Pipe Jacking/ Thrust Boring</i> .
Rizab	-	Kawasan yang diperuntukkan atau disimpan khas bagi sesuatu tujuan tertentu pada masa akan datang.
Spesifikasi Piawai Jalan	-	merupakan spesifikasi tentang turapan yang memberi panduan mengenai pemilihan bahan dan juga penghasilan kualiti turapan mengikut amalan terbaik sebagaimana yang diperuntukkan dalam SPJ.
<i>Stockpile</i>	-	Simpanan stok bahan binaan.
Utiliti	-	Pembangunan infrastruktur/ prasarana yang melibatkan antaranya sistem bekalan tenaga elektrik, sistem rangkaian telekomunikasi, sistem saluran bekalan gas, cecair atau kimia, sistem saluran air mentah, sistem bekalan air, sistem pembentungan, sistem pengawasan keselamatan CCTV dan sistem pemantauan keselamatan jalan raya.
<i>Unpaved</i>		Kawasan bahu jalan yang tidak berturap sama ada berumput atau tanah.

(muka surat ini sengaja dibiarkan kosong)

1.0 LATAR BELAKANG

Utiliti merupakan salah satu perkhidmatan asas yang diperlukan untuk pembangunan dan pertumbuhan sesebuah negara, masyarakat, organisasi dan sebagainya. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan ini dianggap sebagai teras kepada pembangunan negara.

Walaupun begitu, kerja pemasangan utiliti di rizab Jalan Persekutuan tidak boleh dilaksanakan secara semberono dan perlu mematuhi tatacara pihak yang mentadbir dan mengawal jalan berkenaan. Pihak Kerajaan tidak akan berkompromi sekiranya keselamatan pengguna jalan raya dipertaruhkan.

Salah satu jalan yang turut terlibat dengan kerja pemasangan utiliti ini ialah pemasangan di dalam sempadan ROW Jalan Persekutuan. Kerap kali juga pihak JKR menerima rungutan akibat kerja pihak utiliti yang tidak memuaskan seperti timbunan tanah dibiarkan di bahu jalan tanpa dialihkan, lubang yang telah digali tidak dikambus dan dipadatkan dengan sempurna, turapan semula selepas pengorekan terbuka tidak berkualiti, papan tanda kerja tidak diletakkan atau tidak mencukupi serta tiada kawalan trafik semasa kerja dan banyak lagi.


Pengguna jalan raya kini telah sedar dan mula mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak Kerajaan dengan mendakwa bahawa pihak Kerajaan cuai dalam pemantauan kerja pemasangan utiliti selepas pengguna tersebut terbabit kemalangan yang menyebabkan kecederaan atau kematian.

Oleh itu, prosedur yang seragam, tegas dan menyeluruh adalah diperlukan sebagai panduan kepada semua JKR Negeri dan Daerah semasa mentadbir dan mengawal selia keseluruhan aktiviti pemasangan utiliti di Jalan Persekutuan.

Perkara ini tidaklah terhenti setakat itu sahaja malah selagi mana utiliti berkenaan berada di dalam sempadan ROW Jalan Persekutuan, maka selagi itulah juga pemilik utiliti perlu bertanggungjawab ke atas aset utiliti tersebut dan implikasi utiliti berkenaan terhadap Jalan Persekutuan.

Secara keseluruhannya, carta alir bagi aktiviti kerja pemasangan utiliti yang dilaksanakan di sesuatu negeri ditunjukkan dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1: CARTA ALIR KESELURUHAN AKTIVITI KERJA PEMASANGAN UTILITI



2.0 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

2.1 Kuasa Menteri Kerja Raya di bawah seksyen 85 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]

Pembinaan akses dan parit dan penyusunan pemasangan utiliti awam ke jalan- jalan yang ada.

85. (1) Tiada seorang yang boleh –

- (a) membina apa-apa jalan akses (termasuk jalan kecil, jalan masuk atau akses cara lain sama ada yang awam atau yang persendirian) untuk menghubungkan apa-apa jalan;
- (b) membina parit untuk menghubungkan parit yang dibina di tepi jalan;
- (c) menjalankan apa-apa jenis kerja daripada apa-apa perihalan dalam, pada, di atas atau di bawah apa-apa jalan,

melainkan jika pelan yang mengandungi perincian penyusunan atur berkenaan dengannya (termasuk butir-butir yang boleh ditetapkan) telah diserahkan dan diluluskan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya berhubungan dengan Jalan Persekutuan, atau pihak berkuasa yang berkenaan yang berkaitan dengan jalan selain daripada Jalan Persekutuan, dan Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut mana yang berkenaan, boleh menolak permohonan tersebut atau membenarkannya di atas syarat yang dikenakan olehnya atau pihak berkuasa itu.

(2) Jika pada pendapat Menteri atau pihak berkuasa berkenaan wujud—

- (a) kemungkinan bahaya kepada lalu lintas;
- (b) apa-apa pembanjiran, pengganggu atau penghalangan; atau
- (c) apa-apa kegagalan pematuhan apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1),

semasa perjalanan, atau yang timbul daripada apa-apa kerja yang disebut di dalam subseksyen (1), Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan boleh, melalui notis secara bertulis menghendaki supaya orang yang padanya kelulusan diberi atau penghuni premis atau tanah,

mengikut mana yang berkenaan, untuk mengambil tindakan yang sesuai sebagaimana yang perlu untuk mengalihkan bahaya, atau mengalihkan apa-apa pengganggu atau penghalangan atau menyekat mana-mana parit atau mematuhi syarat-syarat yang dikenakan, dalam masa yang dinyatakan dalam notis, yang jika gagal dipatuhi Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan boleh mengambil tindakan yang perlu supaya menghentikan bahaya atau pembersihan, pengganggu atau penghalangan atau untuk memastikan kepatuhan kepada syarat yang dikenakan.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (6), adalah sah bagi Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, melalui notis dalam *Warta*, supaya menghendaki penutupan atau penyimpangan atau perubahan dibuat pada mana-mana jalan akses (sama ada dibina sebelum atau selepas permulaan Akta ini).

(4) Jika apa-apa tindakan telah diambil oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan di bawah subseksyen (2), perbelanjaan yang ditanggung dan diperakukan secara bertulis oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan dalam mengambil tindakan itu adalah hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan atau pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut mana yang berkenaan, oleh orang yang padanya kelulusan telah diberikan atau penghuni premis atau tanah dan boleh dipotong daripada **DEPOSIT KESELAMATAN** yang dibayar kepada Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan sebagai syarat bagi menjalankan kerja-kerja yang disebut dalam subseksyen (1).

(5) Jika apa-apa kerja di bawah subseksyen (1) telah dilaksanakan dan didapati bahawa kerja telah dilaksanakan bagi maksud membuat apa-apa perhubungan terus akan apa-apa utiliti awam kepada apa-apa premis atau bagi menyambung parit kepada parit yang dibina di tepi jalan bagi maksud perparitan tanah yang di atasnya parit yang mula disebut dibina, penghuni premis atau tanah hendaklah disifatkan sebagai orang yang menjalankan kerja itu bagi maksud seksyen ini.

(6) Jika, akibat daripada notis yang dikeluarkan oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan di bawah subseksyen (3) suatu jalan akses yang ada semasa keluarnya notis itu, ditutup sekali dan tiada terdapat jalan akses yang alternatif, Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, sebelum penutupan itu, mengadakan jalan akses yang alternatif:

Dengan syarat jika jalan akses yang alternatif tidak boleh diadakan atau tidak boleh diadakan tanpa menanggung amaun perbelanjaan yang tidak munasabah, tanah yang terlibat hendaklah diperoleh mengikut mana-mana undang-undang yang ada berhubungan dengan pengambilan secara paksa dan pengambilan itu hendaklah disifatkan sebagai bagi maksud awam.

(7) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau gagal mematuhi syarat yang boleh dikenakan dalam permit yang dikeluarkan di bawah subseksyen itu melakukan kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun:

Dengan syarat bahawa apa-apa hukuman yang dikenakan di bawah subseksyen ini tidak akan menjejaskan apa-apa liabiliti sivil orang yang padanya kelulusan diberikan atau penghuni premis atau tanah.

(8) Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut mana yang berkenaan, boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengawal selia dan mengawal perjalanan atau pembinaan apa-apa kerja yang disebut dalam subseksyen (1).

Secara ringkasnya, seksyen 85 Akta 333 ini memperuntukkan –

- (a) Pemasangan utiliti di Jalan Persekutuan dibenarkan setelah pemohon mendapat kebenaran dengan syarat pelan terperinci mengenai pemasangan utiliti tersebut diluluskan oleh Menteri Kerja Raya;
- (b) Menteri Kerja Raya boleh menolak permohonan pemasangan utiliti di Jalan Persekutuan;
- (c) Menteri Kerja Raya boleh mengenakan apa-apa syarat-syarat tambahan yang difikirkan sesuai;
- (d) Notis bertulis boleh dikeluarkan kepada pemohon supaya mengambil tindakan (mengalihkan bahaya, pengganggu atau penghalangan) bagi mengatasi masalah yang timbul daripada kerja pemasangan utiliti;
- (e) pihak JKR boleh mengambil sendiri tindakan bagi mengatasi masalah yang timbul setelah pemohon gagal mengambil tindakan yang dikehendaki mengikut tempoh masa yang dinyatakan dalam notis bertulis. Justeru itu, Deposit Keselamatan yang dibayar oleh pemohon boleh dipotong untuk menanggung kos tindakan yang telah dibelanja bagi mengatasi masalah tersebut;

- (f) Kaedah-kaedah boleh digubal bagi mengawal selia kerja pemasangan utiliti di Jalan Persekutuan; dan
- (g) Mana-mana pihak yang melanggar seksyen 85(1) atau gagal mematuhi syarat -syarat yang dikenakan dalam surat kelulusan boleh didakwa di bawah seksyen 85(7) Akta 333 dan sekiranya disabit oleh Mahkamah, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun. Oleh itu, pihak JKR perlu membuat laporan polis untuk tindakan penyiasatan dan pendakwaan selanjutnya diambil..

2.2 Menteri Kerja Raya Mewakulkan Kuasa

2.2.1 Seksyen 5 [Akta 358] membenarkan Menteri Kerja Raya untuk mewakulkan kuasa dan menjalankan tugas yang diperuntukkan kepada beliau kepada pegawai-pegawai yang diperturunkan kuasa-kuasa untuk melaksanakan tugas-tugas sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta 333.

2.2.2 Sehubungan dengan itu, melalui Warta Kerajaan Persekutuan, Menteri Kerja Raya telah mewakulkan kuasanya bagi seksyen 85 Akta 333 sebagaimana dalam **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Pegawai yang diwakulkan kuasa oleh Menteri Kerja Raya

Lokasi	Mewakulkan kuasa kepada
Semua Negeri di Semenanjung	Pengarah Kerja Raya Negeri
Wilayah Persekutuan Labuan	Pengarah Kerja Raya Negeri
Sabah	Jurutera Daerah/ Jurutera Unit Penyenggaraan Jalan
Sarawak	Pengarah Kerja Raya Negeri
Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) dan Putrajaya	Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor

2.2.3 Kesimpulannya, sebarang perkara berhubung pemasangan utiliti awam di Jalan Persekutuan bagi semua negeri adalah tertakluk kepada kelulusan/ kebenaran pegawai tersebut di atas.

3.0 PEMASANGAN UTILITI AWAM DI JALAN PERSEKUTUAN

3.1 Senario Pemasangan Utiliti

Tiga (3) senario pemasangan utiliti awam di Jalan Persekutuan iaitu –

3.1.1 Senario 1

Penyedia/ operator utiliti yang sentiasa melaksanakan kerja pemasangan utiliti awam sama ada pemasangan utiliti awam bagi projek (baharu/ menaiktaraf) di sesebuah Negeri.

Senario ini melibatkan penyedia / operator utiliti berikut:

- (a) Bekalan air iaitu Ranhill SAJ Sdn. Bhd., Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., Pengurusan Air Pahang (PAIP), Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) dan seperti dengannya;
- (b) Bekalan elektrik iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sarawak Energy Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd. dan seperti dengannya;
- (c) Gas iaitu Gas Malaysia Berhad dan seperti dengannya;
- (d) Telekomunikasi iaitu TM Berhad, Celcom, MAXIS, DiGi, U-Mobile dan seperti dengannya;
- (e) Pembetung iaitu Indah Water Konsortium (IWK), Majaari Services Sdn. Bhd. dan seperti dengannya;
- (f) Penyedia utiliti iaitu Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan seperti dengannya;
- (g) Anak syarikat kepada penyedia utiliti/ operator utiliti yang menjalankan pemasangan utiliti awam; dan
- (h) Pihak utiliti lain yang berdaftar tetapi tidak disenaraikan.

3.1.2 **Senario 2**

Pihak selain utiliti seperti lembaga-lembaga kemajuan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) atau syarikat berkaitan kerajaan seperti KTM Berhad dan seperti dengannya atau pemaju swasta yang melantik kontraktor untuk menjalankan pemasangan utiliti awam.

3.1.3 **Senario 3**

Kementerian/ Jabatan Kerajaan melantik kontraktor untuk menjalankan pemasangan utiliti awam. Utiliti tersebut kemudiannya diserahkan kepada operator utiliti untuk tujuan penyenggaraan. Contohnya ialah pemasangan paip retikulasi air untuk penduduk di luar bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) di Negeri Pahang dan naiktaraf sistem pembedungan di institusi pendidikan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di Negeri Sembilan. Setelah projek tersebut disiapkan dan tamat DLP, paip retikulasi air oleh KPLB akan diserahkan kepada pihak PAIP manakala pembedungan oleh KPM akan diserahkan kepada IWK.

3.2 **Pihak Yang Mengemukakan Permohonan Izin Lalu**

Senario 1: Penyedia/ operator utiliti/ koridor utiliti.

Senario 2: Kontraktor yang dilantik dan pemaju swasta bagi projek swasta.

Senario 3: Kontraktor yang dilantik.

3.3 **Pihak Yang Mengemukakan Permohonan Kelulusan/ Permit**

Senario 1 dan Senario 2: PEPC (sedia ada dalam syarikat (jurutera profesional awam) atau Jurutera Perunding Awam yang dilantik).

Senario 3: Kontraktor yang dilantik.

3.4 Pembayar Deposit Keselamatan

Senario 1: Penyedia/ operator utiliti/ koridor utiliti.


Senario 2: Pihak selain utiliti seperti lembaga-lembaga kemajuan atau syarikat berkaitan kerajaan atau pemaju swasta.

Senario 3: Kontraktor yang dilantik.

Pengiraan jumlah Deposit Keselamatan berdasarkan Jadual Kadar Kaedah Pemasangan (Jadual 3).


4.0 SEBELUM MEMULAKAN KERJA

RAJAH 2A: CARTA ALIR PROSES SEBELUM MEMULAKAN KERJA



BERSAMBUNG DI **RAJAH 2B**

RAJAH 2B: CARTA ALIR PROSES SEBELUM MEMULAKAN KERJA



4.1 Permohonan Izin Lalu Kepada Pengarah JKR Negeri

- 4.1.1 Izin lalu bertujuan membenarkan pemohon melakukan kerja ukur (sempadan ROW) dan penandaan jajaran utiliti di tapak serta Pemetaan Pengesanan Utiliti (*Utility Detection Mapping*) oleh Juruukur Tanah Bertauliah¹.
- 4.1.2 Pemohon mengemukakan surat Permohonan Izin Lalu (**Lampiran A**) kepada JD. Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan ialah seperti berikut:
- (a) Pelan cadangan laluan utiliti yang juga menunjukkan sempadan ROW Jalan Persekutuan dan lot tanah bersebelahan;
 - (b) Gambar-gambar lokasi; dan
 - (c) Tarikh jangka mula dan jangka siap (kerja ukur, cerapan data dan penandaan di tapak) serta nama dan nombor telefon pegawai yang bertanggungjawab terhadap permohonan.
- 4.1.3 JD memeriksa kecukupan dokumen. Sekiranya tidak mencukupi, surat pemakluman kepada pemohon akan dikemukakan (**Lampiran B**). Pemohon mengemukakan maklumbalas (**Lampiran C**).
- 4.1.4 JD akan memberikan maklumbalas kepada pemohon sama ada memberi kebenaran atau tidak memberi kebenaran (**Lampiran D & E**).
- 4.1.5 Tempoh izin lalu (bagi permohonan yang diberi kebenaran) dinyatakan dalam surat maklum balas iaitu **enam (6) bulan** sahaja.
- 4.1.6 Permohonan bagi lanjutan tempoh izin lalu adalah tidak digalakkan. Walau bagaimanapun, sekiranya memerlukan lanjutan tempoh masa, permohonan adalah tertakluk kepada JD.

¹ Selaras dengan Garis Panduan JUPEM

4.2 Permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti

4.2.1 Dalam tempoh enam (6) bulan yang diberi semasa izin lalu, pemohon dikehendaki mengemukakan kepada JD, Permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) Surat iringan kepada Jurutera JKR Daerah (**Lampiran F**);
- (b) Borang JKR/P-01/2022
SENARAI SEMAK PERMOHONAN KELULUSAN/ PERMIT PEMASANGAN UTILITI DI JALAN PERSEKUTUAN berserta dokumen;
- (c) Borang JKR/P-02/2022
BORANG PERMOHONAN KELULUSAN/ PERMIT PEMASANGAN UTILITI;
- (d) Borang JKR/P-03/2022
AKUJANJI ANTARA PEMOHON DAN PENGARAH JKR NEGERI;
- (e) Borang JKR/P-04/2022
BORANG PEMERIKSAAN JALAN/ ASET JALAN;
- (f) Borang JKR/P-05/2022
PEMAKLUMAN DILANTIK SEBAGAI JURUTERA PROFESIONAL AWAM/ JURUTERA PERUNDING AWAM;
- (g) Dua (2) set TCP yang direkabentuk oleh PEPC selaras dengan ATJ 2C/85 (Pindaan terkini);
- (h) Dua (2) salinan insurans yang masih berkuatkuasa; dan
- (i) Dua (2) set *Method Statements* yang disahkan oleh PEPC/ Jurutera Perunding

Bagi Perkara 4.2.1 (g), (h) dan (i) di atas, masing-masing hendaklah dikemukakan satu (1) salinan kepada Pengarah JKR Negeri dan Jurutera Daerah.

4.2.2 JD akan menyemak kecukupan dokumen. Sekiranya tidak mencukupi, surat pemakluman kepada pemohon akan dikemukakan (**Lampiran G**). Pemohon mengemukakan maklumbalas (**Lampiran H**).

4.2.3 Seterusnya dokumen yang telah mencukupi, JD memanjangkan permohonan tersebut kepada Pengarah JKR Negeri untuk kelulusan/ permit (**Lampiran I**).

4.2.4 Surat Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti berserta syarat-syarat yang perlu dipatuhi pemohon akan dikeluarkan oleh Pengarah JKR Negeri (**Lampiran J**).

5.0 DEPOSIT KESELAMATAN

5.1 Ringkasan Deposit Keselamatan dan Jadual Kadar Kaedah Pemasangan

Deposit Keselamatan tertakluk kepada senario yang dijelaskan sebelum ini. Ringkasan bagi Deposit Keselamatan sebagaimana dalam **Jadual 2** berikut:

Jadual 2: Deposit Keselamatan

Senario	1	2	3
Pemohon	Syarikat/Penyedia/ operator/ koridor utiliti	Syarikat selain utiliti atau pemaju swasta	Kontraktor yang dilantik
Bentuk deposit keselamatan	Jaminan Bank (menggunakan templat jaminan bank yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (Lampiran Q))		Bon Pelaksanaan projek
Amaun	Pengiraan menggunakan Jadual Kadar Kaedah Pemasangan (Jadual 3)		Tertakluk kepada 5% daripada kos kontrak
Pegawai yang dinamakan	Pengarah Kerja Raya Negeri (Semenanjung dan Sarawak) Jurutera Daerah/ Jurutera Unit Penyenggaraan Jalan (Sabah)	Pengarah Kerja Raya Negeri (Semenanjung dan Sarawak) Jurutera Daerah/ Jurutera Unit Penyenggaraan Jalan (Sabah)	Pengarah Kerja Raya Negeri (Semenanjung dan Sarawak) dan Jurutera Daerah/ Jurutera Unit Penyenggaraan Jalan (Sabah) sebagai benifisiari dalam Bon Pelaksanaan
Tempoh liputan	Bermula dari tarikh mula kerja + 1 tahun daripada tarikh tamat kerja (tarikh mula dan tamat kerja sebagaimana dinyatakan dalam Lampiran J)		Tempoh pelaksanaan kontrak + CMGD


Jadual 3: Kadar Kaedah Pemasangan

Bil.	Kaedah Pemasangan	Unit	Kadar (RM)
1.	<i>Horizontal Directional Drilling (HDD)</i>		
	(i) Jalan (lebar <i>carriageaway</i>) – merentangi jalan	Per meter	1,000.00
	(ii) Sepanjang bahu jalan	Per meter	0.00
	(iii) <i>Pit</i>	Per <i>pit</i>	8,000.00
2.	<i>Micro Tunnelling/ Pipe Jacking/ Thrust Boring</i>		
	(i) Jalan (lebar <i>carriageaway</i>) – merentangi jalan	Per meter	1,800.00
	(ii) Sepanjang bahu jalan	Per meter	0.00
	(iii) <i>Pit</i>	Per <i>pit</i>	12,000.00
3.	(i) Diameter utiliti < 500mm Korekan Bahu Jalan (kawasan <i>unpaved</i>)	Per meter	200.00
	(ii) Diameter utiliti > 500mm Korekan Bahu Jalan (kawasan <i>unpaved</i>)	Per meter	330.00
4.	Tambatan/ sokongan paip air <i>expose</i> – hanya dibenarkan di Kawasan cerun (Kawasan potongan atau tambakan)	Nos	1,000.00
5.	Pemasangan tiang	Nos	500.00
6.	Pembersihan Tapak	Pukal	5,000.00
7.	Pelan Kawalan Trafik (TCP)	Per hari Per lokasi	1,700.00

Nota: Sebarang pengurangan kadar (sekiranya ada) adalah tertakluk kepada Pengarah JKR Negeri dengan **JUSTIFIKASI** di tapak.

5.2 Contoh Pengiraan Deposit Keselamatan Menggunakan Jadual Kadar Kaedah Pemasangan

5.2.1 HDD (merentangi jalan)



Cara pengiraan


Pemasangan dari 1 sehingga 2 melibatkan penggalian pit dan kerja HDD di bawah jalan. Pengiraan Deposit Keselamatan adalah seperti berikut:

$$= (\text{bil } \textit{pit} \times \text{kadar pit}) + (\text{lebar } \textit{carriageway} \times \text{kadar HDD merentangi jalan})$$

$$= (2 \times \text{RM}8,000.00) + (21 \text{ meter} \times \text{RM}1,000)$$

$$= \underline{\underline{\text{RM}37,000.00}}$$

5.2.2 HDD (sepanjang bahu jalan)



Cara Pengiraan:


Pemasangan dari 1 sehingga 3 melibatkan penggalian *pit* dan pemasangan utiliti secara HDD di sepanjang jalan. Maka pengiraan hanya mengambil kira bilangan *pit* yang dipasang di bahu jalan sahaja. Maka pengiraan Deposit Keselamatan adalah seperti berikut:

$$= \text{bil } pit \times \text{kadar pit}$$

$$= (3 \times \text{RM8,000})$$

$$= \underline{\underline{\text{RM24,000.00}}}$$

5.2.3 Korekan di Bahu Jalan (*unpaved*) – Kes 1




Cara Pengiraan:

Pemasangan dari 1 sehingga 2 melibatkan penggalian secara terbuka di kawasan *unpaved*. Kadar yang dikenakan bergantung kepada saiz utiliti. Saiz utiliti **melebihi 500 mm**. Maka, pengiraan Deposit Keselamatan adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= \text{panjang bahu jalan yang terlibat} \times \text{kadar korekan mengikut diameter utiliti} \\ &= 15 \text{ meter} \times \text{RM330.00} \\ &= \underline{\underline{\text{RM4,950.00}}} \end{aligned}$$

5.2.4 Korekan Bahu Jalan (*unpaved*) – Kes 2




Cara Pengiraan:

Pemasangan dari 1 sehingga 4 melibatkan penggalian secara terbuka di kawasan *unpaved*. Kadar yang dikenakan bergantung kepada saiz utiliti. Saiz utiliti **kurang 500 mm**. Maka, pengiraan Deposit Keselamatan adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= \text{panjang bahu jalan} \times \text{kadar korekan mengikut diameter utiliti} \\ &= 72.5 \times \text{RM}200.00 \\ &= \underline{\underline{\text{RM}14,500.00}} \end{aligned}$$

5.2.5 *Pipe Jacking/ Micro Tunnelling/ Thrust Boring*
(kawasan lapang tanpa cerun)




Cara Pengiraan:

Pemasangan dari 1 sehingga 2 melibatkan penggalian pit dan kerja *Pipe Jacking/ Micro Tunnelling/ Thrust Boring* di bawah jalan. Pengiraan Deposit Keselamatan adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= (\text{bil } \textit{pit} \times \text{kadar pit}) + (\text{lebar } \textit{carriageway} \times \text{kadar merentangi jalan}) \\ &= (2 \times \text{RM}12,000.00) + (21 \text{ meter} \times \text{RM}1,800) \\ &= \underline{\underline{\text{RM}61,800.00}} \end{aligned}$$

5.2.6 **Pipe Jacking/ Micro Tunnelling/ Thrust Boring**
(kawasan cerun tambakan)




Cara Pengiraan:

Pemasangan dari 1 sehingga 2 melibatkan kerja *Pipe Jacking/ Micro Tunnelling/ Thrust Boring* di bawah jalan dan *pit* dibina di bawah kaki cerun tambakan. Pengiraan Deposit Keselamatan adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 &= (\text{lebar } \textit{carriageway} \times \text{kadar merentangi jalan}) + (\text{panjang cerun} \times \text{kadar merentangi jalan}) + (\text{bil } \textit{pit} \times \text{kadar } \textit{pit}) \\
 &= (21\text{meter} \times \text{RM1,800}) + ((5^2 + 10^2)^{1/2} \text{ meter} \times \text{RM1,800}) + ((5^2 + 10^2)^{1/2} \text{ meter} \times \text{RM1,800}) + (2 \times \text{RM12,000}) \\
 &= \underline{\underline{\text{RM102,049.00}}}
 \end{aligned}$$

***Nota** : Nisbah cerun tambakan 1:2

5.2.7 Tambatan/ sokongan paip air *expose*



Cara Pengiraan:

Bilangan tambatan/ sokongan untuk paip air *expose* yang dibina. Pengiraan Deposit Keselamatan adalah seperti berikut:


= bilangan tambatan/sokongan x kadar per unit

= 3 nos x (RM1,000/nos)

= **RM3,000.00**

6.0 SEMASA MENJALANKAN KERJA

RAJAH 3: CARTA ALIR PROSES SEMASA MENJALANKAN KERJA



SYARAT-SYARAT SEMASA MENJALANKAN KERJA PEMASANGAN

6.1 Am

- 6.1.1 Pemohon wajib mengambil insurans kerja dan polisi tanggungan awam bagi melaksanakan kerja yang dinyatakan.
- 6.1.2 Tiada sebarang kerja boleh dilaksanakan setelah mendapat kelulusan Pengarah JKR Negeri tanpa terlebih dahulu memasang peranti kawalan trafik dan penyusunannya telah diperiksa oleh JD.

6.2 Pembinaan Lurang (*Manhole*)

- 6.2.1 Semua lurang baharu hendaklah dibina berada jauh di hujung jalan (sempadan ROW) atau sekurang-kurangnya 3 meter dari gigi jalan.
- 6.2.2 Bagi lurang sedia ada di mana sebelum ini berada kurang 3 meter dari tepi gigi jalan atau bahu jalan berturap atau di atas *carriageway* (kes khas yang mendapat kelulusan Pengarah JKR Negeri dengan justifikasi kukuh di tapak), bahan lurang tersebut termasuk penutup hendaklah dari jenis *high strength/ heavy duty* dan *finishing level* perlu searas dengan jalan sedia ada. Rekabentuk dan cadangan pembinaan hendaklah mendapat persetujuan JD terlebih dahulu.
- 6.2.3 Penampalan di sekeliling lurang hendaklah menggunakan bahan jenis *heavy duty/ high strength Epoxy Cement* atau setaraf dengannya.

6.3 Paip/ Kabel/ Saluran

- 6.3.1 Sebolehnya-bolehnya, kaedah pengorekan terbuka sepanjang bahu jalan (*paved/ unpaved*) berada di kedudukan **3 meter dari gigi jalan**. Sekiranya jarak berkenaan tidak dapat diperolehi, pengorekan terbuka yang jarak kurang dari 3 meter perlu mendapat kelulusan Pengarah JKR Negeri dan atas justifikasi kukuh di tapak. *Backhoe/ JCB* yang melakukan kerja pengorekan tersebut perlu mempunyai alas tapak bagi kaki jentera tersebut (sekiranya kaki jentera menumpang di atas permukaan jalan) untuk mengelakkan berlakunya kerosakan kepada permukaan jalan. Walau bagaimanapun, **kaedah *Trenchless*** (*HDD/ Pipe Jacking/ Micro Tunnelling/ Thrust Boring*) akan **diberi keutamaan**.

- 6.3.2 Kedalaman paip/ kabel/ saluran adalah **minimum 1.5 meter kedalaman** iaitu diukur daripada permukaan bahu jalan hingga ke bahagian atas paip/ kabel/ saluran (*crown of pipe level*).
- 6.3.3 Hanya **pasir sahaja yang dibenarkan** untuk menimbus semula semua lubang korekan.
- 6.3.4 Lapisan pasir dipadatkan menggunakan *Roller yang* sesuai dari satu lapisan ke satu lapisan (setiap satu lapisan 150mm).
- 6.3.5 Bagi pemasangan utiliti **melebihi 1.5 meter kedalaman²**, struktur penahan yang mencukupi hendaklah disediakan.
- 6.3.6 Kerja-kerja menimbus dan memadat bahu jalan hendaklah dilaksanakan dengan segera. Rumput dan pokok landskap yang rosak dan mati perlu diganti dan ditanam semula. Penyeliaan terhadap tanaman semula tersebut hendaklah dilaksanakan sehingga tanaman itu hidup subur dan untuk tempoh tidak kurang daripada enam (6) bulan.
- 6.3.7 Bagi **kerja pemasangan utiliti merentangi jalan**, hanya kaedah *Trenchless* sahaja yang dibenarkan.
- 6.3.8 Tidak dibenarkan untuk memasang kabel secara *overhead* merentangi jalan.
- 6.3.9 Pemasangan kabel secara *overhead* hanya dibenarkan untuk kabel yang selari dengan jalan sahaja. Manakala tiang yang dipasang hendaklah di kawasan *unpaved* dan berjarak 2 meter selepas gigi jalan (tertakluk kepada keadaan di tapak).
- 6.3.10 Paip/ kabel/ saluran yang perlu melintasi longkang hendaklah ditanam dengan kedalaman melebihi daripada paras bawah longkang iaitu 1 meter dari bawah paras longkang.
- 6.3.11 Paip/ kabel/ saluran tidak dibenarkan menumpang pada struktur jambatan.
- 6.3.12 Paip/ kabel/ saluran tersebut hendaklah mempunyai struktur sendiri yang direkabentuk khas dan disahkan oleh PEPC. Kedudukan struktur

² Selaras dengan Garis Panduan JKKP

tersebut hendaklah berjarak tidak kurang 10 meter dari struktur jambatan.

6.3.13 Paip/ kabel/ saluran juga tidak dibenarkan menumpang pada cerun atau struktur cerun seperti tembok penahan dan lain-lain lagi. Pengorekan kepada cerun juga adalah dilarang.

6.3.14 Sekiranya paip air perlu melalui kawasan cerun (kawasan potongan/ tambakan), kaedah paip *expose* hendaklah digunakan. Walau bagaimanapun, kebenaran untuk *expose* perlu diperolehi terlebih dahulu dengan justifikasi kukuh di tapak serta keselamatan kepada pengguna jalan raya hendaklah diberi keutamaan.

6.3.15 Paip air tersebut diletak di atas penyokong/ tambatan konkrit yang direkabentuk dan disahkan oleh PEPC sebagaimana spesifikasi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) iaitu *Uniform Technical Guidelines Water Reticulation and Plumbing* dan apa-apa spesifikasi yang dikeluarkan oleh syarikat bekalan air negeri berkaitan.

6.4 Kerja - Kerja Di Bahu Jalan (Berturap)

6.4.1 Kaedah pembaikan hendaklah merujuk kepada SPJ.

6.4.2 Hanya pasir sahaja yang dibenarkan untuk menimbus semula lubang korekan.

6.4.3 Lapisan pasir hendaklah dipadatkan menggunakan *Roller yang* sesuai dari satu lapisan ke satu lapisan (setiap satu lapisan 150mm).

6.4.4 Lapisan *crusher run* sebagai *road base* hendaklah dipadatkan menggunakan *Roller* yang sesuai dari satu lapisan ke satu lapisan (setiap satu lapisan 150mm).

6.4.5 Ketebalan lapisan pavemen untuk pembaikan di bahu jalan yang berturap tersebut perlulah mendapat persetujuan JD.

6.4.6 Bagi pemasangan utiliti melebihi 1.5 meter kedalaman, struktur penahan yang mencukupi hendaklah disediakan.

6.5 Kerja - Kerja Di Atas *Carriageway*/ Permukaan Berturap Yang Lain

6.5.1 Kerja pengorekan bagi pemasangan utiliti di atas *carriageway*/ permukaan berturap yang lain adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

6.5.2 Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan memaksa (disebabkan tiada pilihan lain akibat kekangan di tapak), kerja-pengorekan di atas *carriageway*/ permukaan berturap yang lain adalah dibenarkan dengan syarat kelulusan Pengarah JKR Negeri perlu diperolehi terlebih dahulu dan kaedah pelaksanaan perlu dipersetujui bersama.

6.5.3 Kadar yang perlu dikenakan adalah berbeza berbanding **Jadual 3** iaitu:

(a) Diameter utiliti < 500mm = **RM1,800 per meter/ lane**

(b) Diameter utiliti > 500mm = **RM2,400 per meter/ lane**

(c) *Pit* = **RM25,000 per pit**

6.5.4 Kaedah pembaikan yang dilaksanakan di atas *carriageway* perlulah selaras dengan SPJ. JD boleh mengarahkan pemohon menjalankan ujian ke atas struktur *carriageway* tersebut bagi mengetahui tahap/ keadaan semasa struktur *carriageway* sebelum meluluskan kaedah pembaikan *carriageway* yang sepatutnya dilaksanakan oleh pemohon.

6.6 Kerja - Kerja Kawalan Trafik

6.6.1 Semua kawalan trafik adalah sebagaimana TCP yang dikemukakan selaras dengan ATJ 2C/85.

6.6.2 Rekabentuk TCP adalah mengikut konsep asas Zon Kerja seperti berikut:

(a) Kawasan amaran awal (sekiranya kerja berada di luar bahu jalan dan tidak mengganggu trafik, maka papan tanda amaran awal berkemungkinan tidak perlu diletakkan);

(b) Kawasan peralihan;

(c) Kawasan penampan;

- (d) Kawasan kerja;
- (e) Kawasan penamatan.

6.6.3 Papan tanda yang mencukupi hendaklah disediakan bagi kerja-kerja berkenaan seperti berikut:

- (a) Papan tanda kenyataan projek merangkumi maklumat seperti berikut:
 - (i) Tajuk projek
 - (ii) Pemohon
 - (iii) Tempoh projek
 - (iv) No. telefon bimbit *hotline* (aduan awam)
- (b) Papan tanda isyarat lalu lintas sementara seperti lencongan, awas dll;
- (c) Kon/ penghadang keselamatan (*New Jersey Barrier*);
- (d) Lampu amaran.

6.6.4 Penutupan jalan adalah tidak dibenarkan sama sekali bagi menghalang lalu lintas awam.

6.6.5 Dua orang pengawal papan tanda isyarat 'BERHENTI/ JALAN' perlu disediakan untuk mengawal lalu lintas selorong.

6.6.6 Papan tanda amaran berkelip-kelip (*flashing light*) mestilah dipasang sekiranya kerja di jalan pada waktu malam.


6.7 Kerja - Kerja Yang Dilarang

Berikut adalah kerja-kerja yang dilarang semasa menjalankan kerja pemasangan utiliti:

- A. Pengorekan terbuka di atas *carriageway* yang dibuat tanpa kelulusan Pengarah dan justifikasi yang munasabah;
- B. Kawasan *pedestrian walkway*;
- C. *Stockpile* bahan binaan di bahu jalan;
- D. Menyimpang daripada jajaran utiliti yang telah diluluskan oleh Pengarah JKR Negeri.

7.0 SELEPAS SIAP MENJALANKAN KERJA

RAJAH 4: CARTA ALIR PROSES SELEPAS SIAP MENJALANKAN KERJA



7.1 TINDAKAN YANG PERLU DILAKUKAN

7.1.1 Setelah projek/ kerja pemasangan utiliti disiapkan, pemohon perlu mengemukakan kepada JD perkara-perkara berikut:

- (a) Surat Pemakluman Kerja Telah Disiapkan (**Lampiran M**);
- (b) Borang Endosmen Jurutera Profesional (**Lampiran N**);
- (c) Lukisan Siap Bina (*As Built Drawing*) dalam bentuk *softcopy* (format Autocad *.dwg) dan *hardcopy* masing-masing sebanyak tiga (3) salinan:
 - (i) satu (1) salinan untuk Pengarah JKR Negeri;
 - (ii) satu (1) salinan untuk JD; serta
 - (iii) satu (1) salinan untuk Bahagian Kejuruteraan Geoinformatik (GIS), CSFJ JKR.

7.1.2 Pihak JKR akan melakukan pemeriksaan di lokasi tersebut. Sekiranya tidak berpuas hati dengan kualiti kerja yang dilakukan, pihak JKR akan mengeluarkan arahan kepada pemohon supaya melaksanakan pembaikan (**Lampiran K**). Pemohon mengemukakan maklum balas setelah pembaikan (**Lampiran L**).

7.1.3 Sekiranya pihak JKR berpuas hati dengan kerja yang dilakukan, maka Surat Penerimaan Siap Kerja akan dikeluarkan (**Lampiran O**).

7.1.4 Pengarah JKR Negeri akan memulangkan Deposit Keselamatan selepas tamat tempoh liputan (**Lampiran P**).

8.0 PEMBAIKAN JALAN/ ASET JALAN/ SEMPADAN ROW DISEBABKAN KERJA SEMASA/ SELEPAS PEMASANGAN UTILITI

- 8.1 Sebagaimana dalam seksyen 85(2) Akta 333, suatu notis (**Lampiran K**) akan dikemukakan terlebih dahulu kepada pemilik utiliti supaya melaksanakan pembaikan ke atas kerosakan jalan/ aset jalan/ sempadan ROW berpunca daripada masalah utiliti sama ada kerja pemasangan utiliti tersebut masih dijalankan atau selepas kerja disiapkan.
- 8.2 Walau bagaimanapun, terdapat keadaan di mana notis tidak munasabah untuk dikemukakan terlebih dahulu disebabkan kerosakan ke atas jalan/ aset jalan/ sempadan ROW berlaku secara tiba-tiba berpunca daripada masalah utiliti yang berlaku juga secara tiba-tiba. Contohnya paip pecah menyebabkan mendapan hingga terbentuknya lubang atau *sinkhole* di jalan berkenaan.
- 8.3 Dalam kes ini, sekiranya pemilik utiliti atau pihak JKR yang terlebih dahulu menerima aduan daripada pengguna jalan raya, maka kedua-dua pihak boleh saling memaklumkan menerusi perkhidmatan pesanan ringkas (*Short Message Service* – SMS) atau melalui aplikasi *WhatsApps*. Pihak JKR akan susuli notis secara bertulis keesokannya.
- 8.4 Pemilik utiliti perlu mematuhi tempoh respon yang dinyatakan dalam notis tersebut. Sekiranya **kerosakan** ke atas jalan/ aset jalan/ sempadan ROW adalah **kritikal**, tempoh pembaikan segera adalah **dalam masa 24 jam** setelah menerima aduan pengguna atau pemakluman oleh pihak JKR (yang mana terdahulu). Sekiranya **kerosakan** ke atas jalan/ aset jalan/ sempadan ROW **tidak kritikal**, tempoh respon adalah **tertakluk kepada Pengarah JKR Negeri**.
- 8.5 Sekiranya pemilik utiliti gagal melaksanakan tindakan dalam tempoh yang dinyatakan, Pengarah JKR Negeri boleh mengambil tindakan terhadap masalah yang timbul selaras dengan seksyen 85(2) Akta 333.
- 8.6 Bagi melaksanakan tindakan di kawasan yang tiada sebarang kontrak konsesi penyenggaraan jalan, Pengarah JKR Negeri hendaklah melantik pihak ketiga selaras dengan tatacara perolehan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. (Rujuk **Rajah 5A**).
- 8.7 Sekiranya kawasan berkenaan mempunyai kontrak konsesi penyenggaraan, Arahan Kerja diberikan kepada konsesi berkenaan. (Rujuk **Rajah 5A**).

- 8.8 Perbelanjaan yang ditanggung bagi melaksanakan pembaikan tersebut akan ditolak daripada Deposit Keselamatan. Sekiranya tidak mencukupi, lebih perbelanjaan yang ditanggung merupakan suatu hutang yang akan dituntut daripada pemilik utiliti tersebut.

9.0 TATACARA TUNTUTAN KEPADA DEPOSIT KESELAMATAN (JAMINAN BANK) BAGI KERJA PEMBAIKAN OLEH PIHAK KETIGA

9.1 Deposit Keselamatan

9.1.1 Deposit Keselamatan merupakan suatu syarat tambahan yang dikenakan oleh Menteri melalui kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 85 Akta 333 sebelum memberi kelulusan ke atas kerja pemasangan utiliti. Kerajaan akan menuntut Deposit Keselamatan sekiranya syarikat utiliti tidak atau gagal melaksanakan obligasinya.

9.1.2 Amaun tersebut dikira melalui **Jadual 3**.

9.1.3 Bagi **Senario 1 dan 2**, Deposit Keselamatan dikemukakan melalui jaminan bank mengikut format yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (**Lampiran Q**).

9.1.4 Bagi **Senario 3**, Deposit Keselamatan adalah berdasarkan bon pelaksanaan projek. Surat tuntutan (**Lampiran R**) akan dikemukakan terus kepada Kementerian/ Jabatan berkenaan untuk tuntutan bayaran bagi kerja yang dibuat oleh pihak ketiga sekiranya Kementerian/ Jabatan berkenaan tidak melaksanakan pembaikan dalam yempoh yang ditetapkan dalam notis.

9.2 Tempoh Sah Laku Jaminan Bank (Senario 1 dan 2) atau Bon Pelaksanaan (Senario 3)

Tempoh sah laku jaminan bank (Senario 1 dan 2) atau bon pelaksanaan (Senario 3) adalah seperti berikut:

9.2.1 Senario 1 dan 2

Bermula dari tarikh mula kerja + 1 tahun dari tarikh tamat kerja (tarikh mula dan tamat kerja sebagaimana dinyatakan dalam **Lampiran J**);


9.2.2 Senario 3

Tempoh pelaksanaan kontrak + Sijil Siap Memperbaiki Kecacatan (*Certificate Making Good Defects* - CMGD).

9.3 Tatacara Tuntutan Jaminan Bank


- 9.3.1 Notis (**Lampiran K**) tindakan pembaikan perlu dikemukakan terlebih dahulu oleh pihak JKR kepada pemilik utiliti.
- 9.3.2 Sekiranya pemilik utiliti gagal mematuhi tempoh yang ditetapkan dalam notis, Pengarah JKR Negeri boleh mengambil tindakan pembetulan dengan melantik pihak ketiga.
- 9.3.3 Selepas pihak ketiga menyiapkan kerja tersebut, invois tuntutan hendaklah dikemukakan kepada JD untuk disemak dan diperakukan. Invois tuntutan tersebut akan disemak dalam masa 14 hari bekerja selepas diterima oleh JD.
- 9.3.4 Setelah disemak dan diperakukan oleh JD, invois berkenaan akan dikemukakan kepada Pengarah JKR Negeri (**Lampiran S**).
- 9.3.5 Surat rasmi daripada Pengarah JKR Negeri akan dikemukakan kepada bank yang mengeluarkan jaminan tersebut untuk tuntutan pembayaran kepada pihak ketiga (**Lampiran T**).
- 9.3.6 Surat pemakluman daripada JKR Negeri kepada pihak ketiga yang dilantik akan dikemukakan selepas bayaran dibuat oleh pihak bank (**Lampiran U**).
- 9.3.7 Tatacara tuntutan kepada jaminan bank diringkaskan dalam **Rajah 5B**.

RAJAH 5A: CARTA ALIR TINDAKAN PEMBAIKAN DISEBABKAN KERJA SEMASA/ SELEPAS PEMASANGAN UTILITI



RAJAH 5B: CARTA ALIR TINDAKAN PEMBAIKAN DISEBABKAN KERJA SEMASA/ SELEPAS PEMASANGAN UTILITI

BERSAMBUNG DARI **RAJAH 5A**



10.0 TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL OLEH PENGARAH JKR NEGERI

- 10.1 Kerja pemasangan utiliti perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu sebagaimana yang termaktub dalam seksyen 85(1) Akta 333.
- 10.2 Selaras dengan seksyen 85(7) Akta 333, pihak berkenaan adalah melakukan kesalahan sekiranya didapati melanggar seksyen 85(1) Akta tersebut atau gagal mematuhi syarat yang dikenakan dalam kelulusan/ permit yang diberikan dan apabila disabitkan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun.
- 10.3 Mana-mana pihak juga adalah melakukan kesalahan selaras dengan seksyen 425(1)(b) KTN secara ringkasnya sekiranya tanpa kebenaran yang sah membersihkan, membajak, **MENGGALI**, mengepungi atau **MENANAMI** mana-mana tanah dan apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit, atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.
- 10.4 Sekiranya Pengarah JKR Negeri mendapati terdapat –
 - 10.4.1 tindakan mengemukakan dokumen palsu;
 - 10.4.2 tindakan melakukan pemasangan utiliti tanpa kelulusan;
 - 10.4.3 pelanggaran syarat yang telah dinyatakan dalam surat kelulusan kerja pemasangan utiliti yang diberikan selaras dengan seksyen 85(1) Akta 333 seperti –
 - (a) tidak mengemukakan dokumen-dokumen wajib selepas kerja pemasangan utiliti disiapkan; atau
 - (b) tidak mengendahkan arahan melaksanakan pembaikan; dan
 - 10.4.4 pelanggaran di bawah seksyen 425(1)(b) KTN.
- 10.5 Bagi tujuan 10.4 di atas, Pengarah JKR Negeri hendaklah –
 - 10.5.1 membatalkan surat kelulusan kerja pemasangan utiliti; dan/ atau
 - 10.5.2 membuat laporan kepada pihak polis. Laporan tersebut boleh disediakan dan ditaip di pejabat sebelum dikemukakan *softcopy*

laporan ke balai polis. (**Lampiran V**).

10.6 Sekiranya hasil siasatan pihak polis mendapati bahawa pihak berkenaan terlibat, tindakan pendakwaan di bawah seksyen 85(7) Akta 333 dan/ atau seksyen 425(1)(b) KTN boleh diteruskan terhadap pihak tersebut oleh pihak pendakwaan.

10.7 Bagi kesalahan-kesalahan seperti yang berikut:

10.7.1 tidak mengemukakan keperluan dokumen-dokumen wajib dikemukakan selepas kerja pemasangan utiliti disiapkan (rujuk **Perkara 7 Prosedur Utiliti**) , Pengarah JKR Negeri boleh –

(a) melantik pihak ketiga untuk menyediakan dokumen-dokumen wajib tersebut dan segala kos akan dipotong daripada Deposit Keselamatan; dan

(b) membekukan permohonan seterusnya oleh pihak terlibat.

10.7.2 tidak mengendahkan arahan melaksanakan pembaikan (**Lampiran K**), Pengarah JKR Negeri boleh –

(a) melantik pihak ketiga atau mengarahkan pihak konsesi untuk melaksanakan kerja pembaikan; dan

(b) membekukan permohonan seterusnya oleh pihak terlibat.

*****TAMAT*****

(muka surat ini sengaja dibiarkan kosong)

LAMPIRAN

LETTER HEAD PEMOHON

Ruj. Kami :
Tarikh :

(NAMA & ALAMAT JURUTERA DAERAH)

Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa (Kementerian/ Jabatan/ Pemaju swasta/ Syarikat Utiliti/ Penyedia Utiliti/ Operator Utiliti/ Koridor Utiliti) (sila nyatakan) akan menjalankan kerja pemasangan utiliti bagi Projek/ Kerja (sila nyatakan) di Jalan Persekutuan ____ (sila nyatakan Jalan Persekutuan dan nombor laluan, sila semak dengan JKR Negeri/ JKR Daerah jika tidak pasti).

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin membuat Permohonan Izin Lalu bagi melaksanakan kerja ukur tanah (sempadan ROW), cerapan data bagi Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM) dan penandaan jajaran utiliti di kawasan terlibat. Bersama-sama ini dikemukakan dokumen-dokumen sebagaimana berikut:

- (i) Pelan cadangan laluan utiliti yang menunjukkan sempadan ROW jalan Persekutuan dan lot tanah bersebelahan.
- (ii) Kaedah pemasangan utiliti mengikut cadangan laluan.
- (iii) Gambar-gambar lokasi.
- (iv) Tarikh jangka mula dan jangka siap (kerja ukur, cerapan data UDM dan penandaan di kawasan terlibat) serta nama dan nombor telefon pegawai yang bertanggungjawab terhadap permohonan.

Sekian, terima kasih.

(Tandatangan)

.....
(..... Nama penuh.....)
.....
Jawatan

s.k: Pengarah JKR Negeri (..... Nyatakan JKR Negeri & Alamat.....)

LAMPIRAN B

LETTER HEAD PEJABAT JKR DAERAH

Ruj. Kami :
Tarikh :

(NAMA & ALAMAT PEMOHON)

Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU – *DOKUMEN TIDAK MENCUKUPI*

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk. Surat tuan ruj.()
(nyatakan rujukan surat Lampiran A) adalah berkaitan.

2. Pejabat ini telah menyemak dokumen yang dikemukakan oleh tuan melalui surat dinyatakan tersebut. Dimaklumkan bahawa dokumen____(sila nyatakan) tidak dikemukakan oleh tuan.

3. Sehubungan dengan itu, sila tuan kemukakan dokumen tersebut kepada pejabat ini selewat-lewatnya sebelum____(sila nyatakan tarikh akhir pemohon perlu hantar).

4. Sila ambil perhatian bahawa permohonan tuan tidak akan diproses sekiranya dokumen berkenaan tidak dikemukakan.

Sekian, terima kasih.

(T/Tangan Jurutera Daerah)
(Nama Jurutera Daerah)

s.k: Pengarah JKR Negeri (Nyatakan JKR Negeri & Alamat)

LETTER HEAD PEMOHON

Ruj. Kami :
Tarikh :

(NAMA & ALAMAT JURUTERA DAERAH)

Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU
- MAKLUMBALAS DOKUMEN TIDAK MENCIKUPI

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas. Surat tuan ruj. ()
(nyatakan rujukan surat Lampiran B) adalah berkaitan.

2. Bersama-sama ini dikemukakan____(sila nyatakan dokumen) untuk tindakan
pihak tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

(Tandatangan)

.....
(Nama penuh)
Jawatan

s.k: Pengarah JKR Negeri (Nyatakan JKR Negeri & Alamat)

LETTER HEAD PEJABAT JKR DAERAH

Ruj. Kami :

Tarikh :

(NAMA & ALAMAT PEMOHON)

Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)**PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU – MEMBERI KEBENARAN**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk. Surat tuan ruj. ()
(nyatakan rujukan surat Lampiran A) adalah berkaitan.

2. Pejabat ini telah meneliti dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh tuan melalui surat dinyatakan tersebut dan lawatan pemeriksaan ke lokasi berkenaan bersama wakil pejabat ini turut diadakan pada ____ (sila nyatakan tarikh lawatan).

3. Dimaklumkan bahawa pejabat ini tiada halangan ke atas lokasi cadangan tuan dan dengan ini **MEMBERI KEBENARAN** izin lalu kepada pihak tuan. Sila tuan ambil maklum bahawa kebenaran ini diberi hanya untuk melaksanakan kerja ukur tanah (sempadan ROW), cerapan data bagi Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM) dan penandaan jaringan utiliti di kawasan terlibat. Sehubungan dengan itu, tarikh kebenaran izin lalu yang diberikan adalah seperti berikut:

Tarikh Mula Izin Lalu	sila nyatakan tarikh mula
Tarikh Tamat Izin Lalu	sila nyatakan tarikh tamat

(Tarikh mula izin lalu dan tamat izin lalu dalam lingkungan 6 bulan)

4. Semasa tempoh ini masih berkuatkuasa, pihak tuan perlulah **mengemukakan permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti bersama dokumen-dokumen** yang diperlukan sebagaimana dalam Senarai Semak Permohonan Kelulusan/ Permit kepada pejabat ini selewat-lewatnya **satu (1) bulan sebelum Tarikh Tamat Izin Lalu**.

Sekian, terima kasih.

(T/Tangan Jurutera Daerah)

(Nama Jurutera Daerah)

s.k: Pengarah JKR Negeri (Nyatakan JKR Negeri & Alamat)

LETTER HEAD PEJABAT JKR DAERAH

Ruj. Kami :

Tarikh :

(NAMA & ALAMAT PEMOHON)

Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)

PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU – *TIDAK MEMBERI KEBENARAN*

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk. Surat tuan ruj. ()
(nyatakan rujukan surat Lampiran A) adalah berkaitan.

2. Pejabat ini telah meneliti dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh tuan melalui surat dinyatakan tersebut dan lawatan pemeriksaan ke lokasi berkenaan bersama wakil pejabat ini turut diadakan pada____(sila nyatakan tarikh lawatan).

3. Dimaklumkan bahawa pejabat ini **TIDAK MEMBERI KEBENARAN** permohonan Izin Lalu pihak tuan disebabkan____(sila nyatakan sebab-sebab)

4. Sehubungan itu, pihak tuan dikehendaki untuk mengemukakan cadangan laluan yang lain sekiranya pihak tuan berhasrat meneruskan projek/ kerja tuan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(T/Tangan Jurutera Daerah)

(Nama Jurutera Daerah)

s.k: Pengarah JKR Negeri (Nyatakan JKR Negeri & Alamat)

LETTER HEAD PEMOHON

Ruj. Kami :
Tarikh :

(NAMA & ALAMAT JURUTERA DAERAH)

Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA : PERMOHONAN KELULUSAN/ PERMIT PEMASANGAN
UTILITI - PENGEMUKAAN DOKUMEN

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas. Surat tuan ruj.()
(nyatakan rujukan surat Lampiran E) adalah berkaitan.

2. Selaras dengan syarat surat tersebut yang menghendaki pihak kami mengemukakan Permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti dalam tempoh kuatkuasa Izin Lalu, bersama-sama ini dikemukakan dokumen – dokumen sebagaimana berikut:

- (i) Borang JKR/P-01/2022
SENARAI SEMAK PERMOHONAN KELULUSAN/ PERMIT
PEMASANGAN UTILITI berserta dokumen
- (ii) Borang JKR/P-02/2022
BORANG PERMOHONAN KELULUSAN/ PERMIT PEMASANGAN
UTILITI
- (iii) Borang JKR/P-03/2022
AKUJANJI ANTARA PEMOHON DAN PENGARAH JKR NEGERI
- (iv) Borang JKR/P-04/2022
BORANG PEMERIKSAAN JALAN/ ASET JALAN
- (v) Borang JKR/P-05/2022
PEMAKLUMAN DILANTIK SEBAGAI JURUTERA PROFESIONAL
AWAM/ JURUTERA PERUNDING AWAM
- (vi) TCP yang direkabentuk oleh PEPC selaras dengan ATJ 2C/85
(Pindaan terkini)
- (vii) Salinan insurans yang masih berkuatkuasa
- (viii) *Method Statements*

Segala kerjasama tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

(Tandatangan)

.....
(Nama penuh)
Jawatan

s.k: Pengarah JKR Negeri (Nyatakan Negeri & Alamat)

LETTER HEAD PEJABAT JKR DAERAH

Ruj. Kami :

Tarikh :

(NAMA & ALAMAT PEMOHON)

Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA : PERMOHONAN KELULUSAN/ PERMIT PEMASANGAN
UTILITI – *DOKUMEN TIDAK MENCUKUPI*

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk. Surat tuan ruj. ()
(nyatakan rujukan surat Lampiran F) adalah berkaitan.

2. Pejabat ini telah menyemak kecukupan dokumen yang dikemukakan oleh tuan melalui surat dinyatakan tersebut. Dimaklumkan bahawa dokumen___(sila nyatakan) tidak dikemukakan oleh tuan.

3. Sehubungan dengan itu, sila tuan kemukakan dokumen tersebut kepada Pejabat ini selewat-lewatnya sebelum_____(sila nyatakan tarikh akhir pemohon perlu hantar).

4. Sila ambil perhatian bahawa permohonan tuan tidak akan diproses sekiranya dokumen berkenaan tidak dikemukakan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(T/Tangan Jurutera Daerah)
(Nama Jurutera Daerah)

s.k: Pengarah JKR Negeri (Nyatakan Negeri & Alamat)

LETTER HEAD PEMOHON

Ruj. Kami :
Tarikh :

(NAMA & ALAMAT JURUTERA DAERAH)

Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA : PERMOHONAN KELULUSAN/ PERMIT PEMASANGAN
UTILITI – MAKLUMBALAS DOKUMEN TIDAK MENCUKUPI

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas. Surat tuan ruj.()
(nyatakan rujukan surat Lampiran G) adalah berkaitan.

2. Bersama-sama ini dikemukakan dokumen ____ (sila nyatakan dokumen) untuk tindakan pihak tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

(Tandatangan)

.....
(Nama penuh pemohon)
Jawatan

s.k: Pengarah JKR Negeri (Nyatakan Negeri & Alamat)

LETTER HEAD PEJABAT JKR DAERAH

Ruj. Kami :
Tarikh :

(NAMA & ALAMAT PENGARAH JKR NEGERI)

YBhg. Dato' / Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA : PERMOHONAN KELULUSAN/ PERMIT PEMASANGAN
UTILITI – *PENGEMUKAAN DOKUMEN UNTUK KELULUSAN*

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas. Surat pemohon ruj.() (nyatakan rujukan surat Lampiran F) adalah berkaitan.

2. Pejabat ini telah menyemak dokumen-dokumen yang dilampirkan bersama-sama permohonan tersebut. Semakan Pejabat ini mendapati bahawa dokumen-dokumen yang dikemukakan adalah mencukupi dan teratur.

3. Sehubungan dengan itu, pejabat ini mengemukakan permohonan tersebut untuk kelulusan YBhg. Dato' / tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(T/Tangan Jurutera Daerah)
(Nama Jurutera Daerah)

LETTER HEAD JKR NEGERI

Ruj. Kami :
Tarikh :

(NAMA & ALAMAT PEMOHON)

Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA : PERMOHONAN KELULUSAN/ PERMIT PEMASANGAN
UTILITI

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kerja pemasangan utiliti adalah dengan ini **DILULUSKAN**. Sehubungan dengan itu, tarikh kelulusan yang diberikan adalah seperti berikut:

Tarikh Mula Kerja	silakan nyatakan tarikh mula
Tarikh Tamat Kerja	silakan nyatakan tarikh tamat
Pemegang Kelulusan	(Kementerian/ Jabatan/ Pemaju swasta/ Syarikat utiliti/ Penyedia Utiliti/ Operator Utiliti/ Koridor Utiliti)

3. Turut disertakan bersama-sama surat ini ialah –

- (i) Syarat-syarat yang perlu dipatuhi;
- (ii) Borang akujanji antara pemohon dan Pengarah JKR Negeri;
- (iii) Akuan penerimaan surat kelulusan/ permit dan kepatuhan kepada syarat-syarat.

4. Selanjutnya, sebelum memulakan kerja, tuan perlu –

- (i) Mengemukakan program kerja kepada Jurutera Daerah JKR;
- (ii) Menyediakan peranti kawalan trafik (*traffic control devices*) di kawasan kerja selaras dengan TCP yang dikemukakan;
- (iii) Berhubung dengan Jurutera Daerah JKR bagi pemeriksaan peranti kawalan trafik (*traffic control devices*).

Tuan **hanya dibenarkan untuk memulakan kerja di tapak oleh Jurutera Daerah JKR selepas tuan mematuhi perkara 4(i), 4(ii) dan 4(iii) di atas**. Tuan juga diingatkan supaya sentiasa mempamerkan surat kelulusan/ permit ini semasa menjalankan kerja di tapak.

5. Sila ambil perhatian bahawa sekiranya tuan didapati gagal atau enggan mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan dalam surat kelulusan ini, suatu notis akan dikeluarkan kepada pihak tuan supaya mengambil tindakan seperti mana yang diarahkan.

6. Selanjutnya kegagalan atau keengganan pihak tuan dalam mematuhi syarat-syarat kelulusan merupakan suatu kesalahan dan boleh dituduh di bawah seksyen 85(7) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333].

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(T/Tangan Pengarah JKR Negeri)
(Nama Pengarah JKR Negeri)

s.k: 1. Jurutera Daerah & Alamat
2. Jurutera Profesional/ Jurutera Perunding & Alamat

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA : SYARAT-SYARAT YANG PERLU DIPATUHI

A. SYARAT AM

1. Pemohon wajib mengambil insurans kerja dan polisi tanggungan awam bagi melaksanakan kerja yang dinyatakan sebelum masuk tapak dan kerja dijalankan.
2. Pemohon dikehendaki menyediakan dan mengemukakan Deposit Keselamatan ke atas kerja yang diluluskan dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh kelulusan ini.
3. Tiada sebarang kerja boleh dilaksanakan setelah mendapat kelulusan Pengarah JKR Negeri tanpa terlebih dahulu memasang peranti kawalan trafik dan penyusunannya telah diperiksa oleh Jurutera Daerah.
4. Mengemukakan semua dokumen yang diperlukan sebelum, semasa dan selepas kerja pemasangan utiliti dijalankan.
5. Pemohon dikehendaki melantik Jurutera Profesional Awam (Dengan Perakuan Amalan)/ Jurutera Perunding Awam untuk merekabentuk dan mengawasi segala kerja-kerja pemasangan utiliti di tapak dan segala kerja yang bersangkutannya.
6. Pemohon dikehendaki bertanggungjawab sepenuhnya ke atas utiliti yang dipasang selagi mana utiliti tersebut berada di kawasan yang diluluskan oleh Kerajaan. Pembaikan perlu dilaksanakan sebagaimana yang diarahkan oleh pihak Kerajaan sehingga sempurna mengikut masa yang ditetapkan ke atas kerosakan yang berlaku di jalan/ perabot jalan/ kelengkapan jalan atau apa-apa yang berada di dalam sempadan ROW jalan Persekutuan disebabkan kerja pemasangan utiliti dengan kos ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.
7. Pemohon dikehendaki mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan bagi mengalihkan atau mengubahsuai atau apa-apa kerja yang bersangkutan yang terlibat dengan kerja-kerja yang ingin dilaksanakan oleh pihak Kerajaan seperti naiktaraf jalan, membaiki cerun, memperelokkan jalan dan sebagainya. Segala kos yang terbit daripada kerja mengalihkan atau mengubahsuai atau apa-apa kerja yang bersangkutan akan ditanggung sepenuhnya oleh pemohon dan tiada tuntutan yang akan dibuat ke atas Kerajaan.
8. Pemohon perlu bertanggungjawab ke atas keselamatan orang ramai, dan menanggung rugi Kerajaan atas apa-apa tuntutan, prosiding, kerugian, pampasan dan kos tindakan akibat daripada kerosakan harta

benda dan lain-lain liabiliti pihak ketiga akibat daripada kerja-kerja saya/kami.

9. Pemohon dikehendaki mematuhi segala arahan dan prosedur yang diperuntukkan dalam Prosedur Pemasangan Utiliti Di Jalan Persekutuan.

B. SYARAT-SYARAT SEMASA MENJALANKAN KERJA PEMASANGAN

1. Pembinaan Lurang (*Manhole*)

- (a) Semua lurang baharu hendaklah dibina berada jauh di hujung jalan (sempadan ROW) atau sekurang-kurangnya 3 meter dari gigi jalan.
- (b) Bagi lurang sedia ada di mana sebelum ini berada kurang 3 meter dari tepi gigi jalan atau bahu jalan berturap atau di atas carriageway (kes khas yang mendapat kelulusan Pengarah JKR Negeri dengan justifikasi kukuh di tapak), bahan lurang tersebut termasuk penutup hendaklah dari jenis *high strength/ heavy duty* dan *finishing level* perlu searas dengan jalan sedia ada. Rekabentuk dan cadangan pembinaan hendaklah mendapat persetujuan Jurutera Daerah JKR terlebih dahulu.
- (c) Penampalan di sekeliling lurang hendaklah menggunakan bahan jenis *heavy duty/ high strength Epoxy Cement* atau setaraf dengannya.

2. Paip/ Kabel/ Saluran

- (a) Sebolehnya-bolehnya, kaedah pengorekan terbuka sepanjang bahu jalan (*paved/ unpaved*) berada di kedudukan **3 meter dari gigi jalan**. Sekiranya jarak berkenaan tidak dapat diperolehi, pengorekan terbuka yang jarak kurang dari 3 meter perlu mendapat kelulusan Pengarah JKR Negeri dan atas justifikasi di tapak. *Backhoe/ JCB* yang melakukan kerja pengorekan tersebut perlu mempunyai alas tapak bagi kaki jentera tersebut (sekiranya kaki jentera menupang di atas permukaan jalan) untuk mengelakkan berlakunya kerosakan kepada permukaan jalan. Walau bagaimanapun, **kaedah *trenchless*** (HDD/ Pipe Jacking/ Microtrenching/ Thrust Boring) akan **diberi keutamaan**.

- (b) Kedalaman paip/ kabel/ saluran adalah **minimum 1.5 meter kedalaman** iaitu diukur daripada permukaan bahu jalan hingga ke bahagian atas paip/ kabel/ saluran (*crown of pipe level*).
- (c) Hanya **pasir sahaja yang dibenarkan** untuk menimbus semula semua lubang korekan.
- (d) Lapisan pasir dipadatkan menggunakan *Roller yang* sesuai dari satu lapisan ke satu lapisan (setiap satu lapisan 150mm).
- (e) Bagi pemasangan utiliti **melebihi 1.5 meter kedalaman** dan melibatkan tanah yang tidak stabil, struktur penahan yang mencukupi hendaklah disediakan.
- (f) Kerja-kerja menimbus dan memadat bahu jalan hendaklah dilaksanakan dengan segera. Rumput dan pokok landskap yang rosak dan mati perlu diganti dan ditanam semula. Penyeliaan terhadap tanaman semula tersebut hendaklah dilaksanakan sehingga tanaman itu hidup subur dan untuk tempoh tidak kurang daripada enam (6) bulan.
- (g) Bagi **kerja pemasangan utiliti merentangi jalan**, hanya kaedah *trenchless* sahaja yang dibenarkan.
- (h) Tidak dibenarkan untuk memasang kabel secara *overhead* merentangi jalan.
- (i) Pemasangan kabel secara *overhead* hanya dibenarkan untuk kabel yang selari dengan jalan sahaja. Manakala tiang yang dipasang hendaklah di kawasan *unpaved* dan berjarak 2 meter selepas gigi jalan (tertakluk kepada keadaan di tapak).
- (j) Paip/ kabel/ saluran yang perlu melintasi longkang hendaklah ditanam dengan kedalaman melebihi daripada paras bawah longkang iaitu 1 meter dari bawah paras longkang.
- (k) Paip/ kabel/ saluran tidak dibenarkan menumpang pada struktur jambatan.
- (l) Paip/ kabel/ saluran tersebut hendaklah mempunyai struktur sendiri yang direkabentuk khas dan disahkan oleh PEPC. Kedudukan struktur tersebut hendaklah berjarak tidak kurang 10 meter dari struktur jambatan.
- (m) Paip/ kabel/ saluran juga tidak dibenarkan menumpang pada cerun atau struktur cerun seperti tembok penahan dan lain-lain lagi. Pengorekan kepada cerun juga adalah dilarang.
- (n) Sekiranya paip air perlu melalui kawasan cerun (kawasan potongan/ tambakan), kaedah paip *expose* hendaklah digunakan. Walau bagaimanapun, kebenaran untuk *expose* perlu diperolehi terlebih dahulu dengan justifikasi kukuh di tapak serta keselamatan kepada pengguna jalan raya hendaklah diberi keutamaan.

- (o) Paip air tersebut diletak di atas penyokong/ tambatan konkrit yang direkabentuk dan disahkan oleh PEPC sebagaimana spesifikasi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) iaitu *Uniform Technical Guidelines Water Reticulation and Plumbing* dan apa-apa spesifikasi yang dikeluarkan oleh syarikat bekalan air negeri berkaitan.

3. Kerja - Kerja Di Bahu Jalan (Berturap)

- (a) Kaedah pembaikan hendaklah merujuk kepada Spesifikasi Piawai Jalan (SPJ)JKR/SPJ/Terkini-Seksyen 4.
- (b) Hanya pasir sahaja yang dibenarkan untuk menimbus semula lubang korekan.
- (c) Lapisan pasir hendaklah dipadatkan menggunakan *Roller* yang sesuai dari satu lapisan ke satu lapisan (setiap satu lapisan 150mm).
- (d) Lapisan *crusher run* sebagai *road base* hendaklah dipadatkan menggunakan *Roller* yang sesuai dari satu lapisan ke satu lapisan (setiap satu lapisan 150mm).
- (e) Ketebalan lapisan pavemen untuk pembaikan di bahu jalan yang berturap tersebut perlulah mendapat persetujuan Jurutera JKR Daerah.
- (f) Bagi pemasangan utiliti melebihi 1.5 meter kedalaman dan melibatkan tanah yang tidak stabil, struktur penahan yang mencukupi hendaklah disediakan.

4. Kerja - Kerja Di Atas *Carriageway*/ Permukaan Berturap Yang Lain

- (a) Kerja pengorekan bagi pemasangan utiliti di atas *carriageway* / permukaan berturap yang lain adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- (b) Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan memaksa (disebabkan tiada pilihan lain akibat kekangan di tapak), kerja-pengorekan di atas *carriageway*/ permukaan berturap yang lain adalah dibenarkan dengan syarat kelulusan Pengarah JKR Negeri perlu diperolehi terlebih dahulu dan kaedah pelaksanaan perlu dipersetujui bersama.
- (c) Kaedah pembaikan yang dilaksanakan di atas *carriageway* perlulah selaras dengan Spesifikasi Piawai Jalan (SPJ) JKR/SPJ/Terkini-Seksyen 4. Jurutera Daerah boleh mengarahkan pemohon menjalankan ujian ke atas struktur

carriageway tersebut bagi mengetahui tahap/ keadaan semasa struktur *carriageway* sebelum meluluskan kaedah pembaikan *carriageway* yang sepatutnya dilaksanakan oleh pemohon.

5. Kerja - Kerja Kawalan Trafik

- (a) Semua kawalan trafik adalah sebagaimana TCP yang dikemukakan selaras dengan ATJ 2C/85 (Pindaan terkini).
- (b) Rekabentuk TCP adalah mengikut konsep asas Zon Kerja seperti berikut:
 - (i) Kawasan amaran awal (sekiranya kerja berada di luar bahu jalan dan tidak mengganggu trafik, maka papan tanda amaran awal berkemungkinan tidak perlu diletakkan);
 - (ii) Kawasan peralihan;
 - (iii) Kawasan penampan;
 - (iv) Kawasan kerja;
 - (v) Kawasan penamatan;
- (c) Papan tanda yang mencukupi hendaklah disediakan bagi kerja-kerja berkenaan seperti berikut:
 - (i) Papan tanda kenyataan projek merangkumi maklumat seperti berikut:
 - (A) Tajuk projek
 - (B) PemohonTempoh projek
 - (C) No. telefon bimbit *hotline* (aduan awam)
 - (ii) Papan tanda isyarat lalu lintas sementara seperti lencongan, awas dll;
 - (iii) Kon/ penghadang keselamatan (New Jersey Barrier);
 - (iv) Lampu amaran.
- (d) Penutupan jalan adalah tidak dibenarkan sama sekali bagi menghalang lalu lintas awam.
- (e) Dua orang pengawal papan tanda isyarat 'BERHENTI/ JALAN' perlu disediakan untuk mengawal lalu lintas selorong.
- (f) Papan tanda amaran berkelip-kelip (*flashing light*) mestilah dipasang sekiranya kerja di jalan pada waktu malam.

6. Kerja - Kerja Yang Dilarang

Berikut adalah kerja-kerja yang dilarang semasa menjalankan kerja pemasangan utiliti:

- (a) Pengorekan terbuka di atas *carriageway* yang dibuat tanpa kelulusan Pengarah dan justifikasi yang munasabah;
- (b) Kawasan *pedestrian walkway*;
- (c) *Stockpile* bahan binaan di bahu jalan;
- (d) Menyimpang daripada jajaran utiliti yang telah diluluskan oleh Pengarah JKR Negeri.

C. SYARAT-SYARAT SELEPAS MENJALANKAN KERJA PEMASANGAN

Setelah projek/ kerja pemasangan utiliti disiapkan, pemohon perlu mengemukakan kepada Jurutera JKR Daerah perkara-perkara berikut:

- (a) Borang Endosmen Jurutera Profesional;
- (b) Lukisan Siap Bina (*As Built Drawing*) dalam bentuk *softcopy* (format Autocad *.dwg) dan *hardcopy* masing- masing sebanyak tiga (3) salinan:
 - (i) satu (1) salinan untuk Pengarah JKR Negeri;
 - (ii) satu (1) salinan untuk JKR Daerah; serta
 - (iii) satu (1) salinan untuk Bahagian Kejuruteraan Geoinformatik (GIS), CSFJ JKR.

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA : AKUAN PENERIMAAN SURAT KELULUSAN/PERMIT DAN
KEPATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT

Dengan ini saya/ kami mengesahkan bahawa saya telah menerima surat kelulusan/ permit bagi kerja pemasangan utiliti melalui ruj. ()
_____. Saya/kami akan mematuhi segala syarat-syarat yang ditetapkan sebagaimana dalam surat kelulusan yang diberikan.

Tandatangan Pemohon

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

*Sila sediakan 3 salinan untuk ditandatangani pemohon. 2 salinan dikembalikan kepada JKR Negeri

LETTER HEAD JKR NEGERI

BERDAFTAR

Ruj. Kami :

Tarikh :

**(NAMA & ALAMAT PEMOHON) / (KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN/ JABATAN BERKENAAN & ALAMAT)**

YBhg. Dato'/ Tuan,

**PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA : NOTIS MENGUATKUASAKAN SYARAT YANG
DITETAPKAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa wakil pejabat ini telah melakukan pemeriksaan/ menerima aduan (pilih yang berkaitan) berhubung dengan kerja pemasangan utiliti yang dilaksanakan oleh tuan di lokasi _____(sila nyatakan lokasi).

3. Hasil pemeriksaan mendapati (pilih sama ada (i) atau (ii) atau (iii)):

- (i) Tuan telah melaksanakan kerja pemasangan utiliti menyimpang daripada jajaran yang diluluskan oleh saya.
- (ii) Tuan tidak melaksanakan kerja _____(*pilih yang berkaitan di **Para 6** Prosedur Permohonan Pemasangan Utiliti Di Jalan Persekutuan) sebagaimana yang disyaratkan dalam kelulusan/ permit.
- (iii) Masalah _____ (nyatakan masalah yang berlaku) telah berlaku disebabkan kerja _____ (nyatakan kerja yang tidak sempurna sama ada menimbun tanah/ memadat tanah/ menurap semula bahu jalan/ membersihkan jalan atau bahu jalan dsb) tidak dilakukan dengan berkualiti dan sempurna.

Sila rujuk kepada gambarajah yang dilampirkan bersama-sama surat ini.

4. Selaras dengan **perwakilan kuasa oleh Menteri Kerja Raya bagi seksyen 85 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]** kepada saya, tuan diarahkan untuk melakukan tindakan ke atas kerja tersebut selaras dengan **seksyen 85 Akta 333, akta-akta lain yang berkaitan, syarat-syarat kelulusan/ permit dan garis panduan yang berkuatkuasa** sebagaimana berikut (pilih sama ada (i) atau (ii)):

- (i) Mengemukakan semula permohonan untuk kelulusan saya disebabkan pihak tuan telah menyimpang daripada jajaran utiliti yang telah diluluskan. Sila tuan kemukakan semula permohonan iaitu cadangan jajaran utiliti yang baru untuk kelulusan saya dalam **TEMPOH TUJUH (7) HARI** dari tarikh surat ini. Kelulusan/ permit yang telah diberikan kepada tuan akan **DIBATALKAN SEKIRANYA GAGAL MEMATUHI TEMPOH TERSEBUT**. Apabila terbatal, tuan diarahkan untuk memberhentikan serta-merta kerja yang sedang dilaksanakan dan seterusnya mengosongkan tapak berkenaan.
- (ii) Menjalankan pembedulan/ pembaikan/ pembersihan bermula dari sehingga (nyatakan tempoh kerja pembaikan yang perlu diambil bergantung kepada kritikal atau tidak kerosakan).

5. Sekiranya tuan gagal atau enggan mengambil tindakan seperti mana yang telah diarahkan -

- (i) kerja pemasangan utiliti ini hendaklah diberhentikan serta merta;
- (ii) pihak ketiga akan dilantik untuk menjalankan kerja pembedulan/ pembaikan/ pembersihan atau apa-apa yang berkaitan di dalam sempadan ROW jalan. Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung bagi melaksanakan kerja pembedulan/ pembaikan/ pembersihan tersebut akan ditolak daripada Deposit Keselamatan yang dibayar selaras dengan seksyen 85(4) Akta 333. Sekiranya Deposit Keselamatan yang dibayar tidak mencukupi, lebihan perbelanjaan yang ditanggung merupakan suatu hutang yang akan dituntut oleh pihak Kerajaan kepada tuan. Selanjutnya, permohonan tuan bagi kerja-kerja utiliti pada masa hadapan akan dibekukan atas kegagalan pihak tuan untuk mengambil tindakan yang telah diarahkan; dan
- (iii) tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan boleh diambil ke atas pihak tuan selaras dengan seksyen 85(7) Akta 333.

Sekian, terima kasih.

(T/Tangan Pengarah JKR Negeri)
(Nama Pengarah JKR Negeri)

s.k: Jurutera Daerah JKR
(Nyatakan JKR Daerah) & (Alamat)

- sila laksanakan pemeriksaan apabila telah menerima **Lampiran P**

Kementerian/ Jabatan
(Alamat)

- (dinyatakan sekiranya **Senario 3**)

LETTER HEAD PEMOHON

Ruj. Kami :
Tarikh :

(NAMA & ALAMAT PENGARAH JKR NEGERI)

YBhg. Dato'/ Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA :NOTIS MENGUATKUASAKAN SYARAT YANG DITETAPKAN
– MAKLUMBALAS

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas. Surat YBhg. Dato'/ tuan ruj.() (nyatakan rujukan surat Lampiran K) adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa kerja yang diarahkan oleh YBhg. Dato'/ tuan iaitu kerja (sila nyatakan kerja yang telah dibaiki) telah dilaksanakan pembetulan sepenuhnya. Sila rujuk kepada gambarajah yang dilampirkan bersama-sama surat ini.

3. Sehubungan dengan itu, lokasi berkenaan sedia untuk diperiksa oleh pihak YBhg. Dato'/ tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Sekian, terima kasih.

(Tandatangan)

.....
(..... Nama penuh pemohon.....)
Jawatan

s.k: Jurutera Daerah (Nyatakan Daerah & Alamat)

**LETTER HEAD JURUTERA PROFESIONAL/ JURUTERA PERUNDING/
PEMOHON**

Ruj. Kami :
Tarikh :

(NAMA & ALAMAT JURUTERA DAERAH)

Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA : PEMAKLUMAN KERJA TELAH DISIAPKAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas. Surat Pengarah JKR Negeri____(nyatakan Negeri) ruj.() (nyatakan rujukan surat Lampiran L) adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa kerja-kerja pemasangan utiliti bagi projek/ kerja ini telah disiapkan oleh pihak kami selaras dengan **Seksyen 85 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], akta-akta lain yang berkaitan, syarat-syarat kelulusan/ permit dan garis panduan yang berkuatkuasa.**

3. Sehubungan dengan itu, lokasi projek/ kerja ini sedia untuk diperiksa oleh tuan. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen-dokumen berikut:

- (i) Borang endosmen oleh Jurutera Profesional yang dilantik
- (ii) Lukisan Siap Bina (As Built Drawing) dalam bentuk *softcopy* (format Autocad) dan *hardcopy* sebanyak 3 salinan

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(.....Tandatangan.....)
(Nama Jurutera Profesional / Jurutera Perunding)
No. Pendaftaran Profesional

s.k: Pengarah JKR Negeri (Nyatakan Negeri) & (Alamat)

ENDOSMEN JURUTERA PROFESIONAL

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA)

PENGESAHAN :

Dengan ini saya mengesahkan bahawa kerja-kerja pemasangan utiliti dan pembaikan semula jalan Persekutuan dan sempadan ROW yang terlibat telah disiapkan di bawah rekabentuk, penyeliaan dan pengawasan oleh saya selaras dengan **Seksyen 85 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], akta-akta lain yang berkaitan, syarat-syarat kelulusan/ permit dan garis panduan yang berkuatkuasa.**

DIPERAKUI DAN DISAHKAN OLEH:

(.....Tandatangan.....) *(cop Jurutera Profesional (Dengan Perakuan Amalan)*

Nama :

Tarikh :

LETTER HEAD PEJABAT JKR DAERAH

Ruj. Kami :
Tarikh :

(NAMA & ALAMAT PEMOHON)

Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA : PENERIMAAN SIAP KERJA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas. Surat Pengarah JKR Negeri____(nyatakan Negeri) ruj.() (nyatakan rujukan surat Lampiran L) adalah berkaitan.

2. Pejabat ini telah membuat pemeriksaan ke atas kerja pemasangan utiliti tuan. Pejabat ini mendapati bahawa kerja-kerja berkenaan telah siap dengan memuaskan. Sehubungan itu, pejabat ini menerima siap kerja yang dilaksanakan pihak tuan pada _____(nyatakan tarikh penerimaan siap kerja). *Deposit Keselamatan tuan akan dipulangkan dalam tempoh setahun daripada tarikh penerimaan siap kerja ini *(masukkan kenyataan ini sekiranya Senario 1 & 2).

3. Tuan adalah diingatkan bahawa tuan masih bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan dan kecacatan yang berlaku berpunca daripada utili dan kerja pemasangan utiliti tuan ke atas jalan Persekutuan dan sempadan ROW yang terlibat selama mana utiliti berkenaan berada di lokasi tersebut.

Sekian, terima kasih.

(T/Tangan Jurutera Daerah)
(Nama Jurutera Daerah)

s.k: Pengarah JKR Negeri (Nyatakan Negeri & Alamat)

LETTER HEAD JKR NEGERI

Ruj. Kami :
Tarikh :

(NAMA & ALAMAT PEMOHON)

Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA : PEMULANGAN DEPOSIT KESELAMATAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas. Surat pejabat ini ruj. (sila nyatakan rujukan surat) bertarikh (sila nyatakan tarikh) berhubung Penerimaan Siap Kerja adalah berkaitan.

2. Lanjutan daripada surat berkenaan, pejabat ini telah memeriksa semula kerja-kerja yang telah disiapkan dan didapati bahawa kerja berkenaan adalah memuaskan. Sehubungan itu, kesemua deposit keselamatan yang tuan kemukakan akan dipulangkan semula.

3. Walau bagaimanapun, tuan adalah diingatkan bahawa tuan masih bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan yang berlaku ke atas Jalan Persekutuan dan rizab Jalan Persekutuan yang berpunca daripada utiliti dan kerja pemasangan utiliti milik tuan selama mana utiliti berkenaan berada di lokasi tersebut. Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(T/Tangan Pengarah JKR Negeri)
(Nama Pengarah JKR Negeri)

s.k: Jurutera Daerah dan alamat

TEMPLAT JAMINAN BANK

BANK GUARANTEE FORM FOR SECURITY BOND

This **GUARANTEE** is made on day of 20__(tahun).

In consideration of the Government of Malaysia (hereinafter referred to as the **“Government”**)

allowing.....

..... (sila masukkan nama syarikat)

(hereinafter referred to as the **“Developer/Contractor/Utility Company”**) for the application of construction of access road / laying of public utility installation to the existing Federal Road* as stipulated in Government’s approval dated (sila masukkan tarikh surat kelulusan yang diberikan oleh pihak yang diberi kuasa) (reference no.), We, the undersigned (hereinafter referred to as the **“Guarantor”**), at the request of the Developer/Contractor/Utility Company* irrevocably undertake a guarantee to the Government as follows:

1. Upon written demand by the Government, the Guarantor shall forthwith pay to the Government the amount specified in such demands notwithstanding any contestation or protest by the Developer/Contractor/Utility Company* or Guarantor or by any other third party and without proof or conditions. Provided always that the total of all demand so made shall not exceed the sum of Ringgit Malaysia..... (state the amount of bond in words) (RM.....).
2. The Government reserves the right to make any partial demands if it shall so desire and the total of all such partial demands so made shall not exceed the sum of Ringgit Malaysia.....(state the amount of bond in words) (RM.....) and our liability of the Guarantor to pay the Government the aforesaid shall correspondingly be reduced proportionate to any payment of partial demands having been made by the Guarantor.

3. The Guarantor shall not be discharged or released from this Guarantee by any arrangement between the Contractor and the Government with or without the consent of the Developer/ Contractor/ Utility Company* or by any alteration in the obligations undertaken by the Developer/ Contractor/ Utility Company* or by any forbearance, whether as to payment, time, performance or otherwise.

4. The Guarantee given by the Guarantor is a continuing guarantee. This Guarantee shall remain effective until..... (hereinafter referred to as the “**Initial Expiry Date**”). The Guarantor shall, upon the request of the Government, extend the Initial Expiry Date of this Guarantee for a further period of one (1) year from the Initial Expiry Date (hereinafter referred to as the “**Extended Expiry Date**”). The maximum aggregate amount that the Government shall be entitled to under this Guarantee shall not exceed the said sum of Ringgit Malaysia (state the amount of bond in words) (RM.....).

5. All obligation and liabilities of the Guarantor under this Guarantee shall cease upon the determination of this Guarantee on the Initial Expiry Date or the Extended Expiry Date as the case may be said to the extent that the Government shall previously have called upon the Guarantor in writing to pay specified moneys payable under the Contract then remaining outstanding.

6. ALL CLAIMS IF ANY, IN RESPECT OF THIS GUARANTEE BE RECEIVED BY THE BANK/ FINANCE COMPANY/ INSURANCE COMPANY DURING THE VALIDITY PERIOD OF THIS GUARANTEE OR WITHIN FOUR (4) WEEKS FROM THE EXPIRY DATE OF THIS GUARANTEE WHICHEVER IS THE LATER.

IN WITNESS WHEREOF the parties hereto have executed this Guarantee the day and year first above written

SIGNED by]
for and on behalf of]
THE GUARANTOR]

Name :
Designation :
Bank Seal :

In the presence of:]

*Please delete where necessary

2/2

LETTER HEAD JKR NEGERI

Ruj. Kami :
Tarikh :

**(KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN/ JABATAN BERKENAAN & ALAMAT)**

YBhg. Dato'/ Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA)
**PERKARA : TUNTUTAN KE ATAS KERJA PEMBAIKAN YANG
DILAKSANAKAN OLEH PIHAK KETIGA YANG DILANTIK JKR**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas. Notis Melaksanakan Pembetulan ruj. () _____ bertarikh _____ yang dikeluarkan oleh saya adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa kontraktor yang dilantik oleh kementerian/ jabatan YBhg. Dato'/ tuan gagal untuk mengambil tindakan dalam tempoh yang diarahkan. Disebabkan kegagalan tersebut dan kesannya boleh mengundang bahaya, penggangguan atau penghalangan kepada pihak awam, maka selaras dengan pewakilan kuasa oleh Menteri Kerja Raya kepada saya bagi seksyen 85 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], di bawah seksyen 85(2) Akta 333, saya telah mengambil tindakan menghentikan bahaya, penggangguan atau penghalangan yang timbul kepada pihak awam disebabkan oleh kerja pemasangan utiliti yang dilaksanakan oleh pihak tuan.

3. Sehubungan dengan itu, sebagaimana yang dibenarkan dalam seksyen 85(4) Akta 333, saya dengan ini membuat tuntutan ke atas kerja pembaikan yang telah dilaksanakan oleh syarikat _____ (nyatakan syarikat yang dilantik JKR) yang telah dilantik oleh saya.

4. Bersama-sama ini, dilampirkan maklumat berkaitan tuntutan sebagaimana berikut:

JUMLAH JAMINAN BANK	: RM
JUMLAH TUNTUTAN	: RM
PEMBAYARAN KEPADA	: (nyatakan syarikat yang dilantik JKR)
NAMA BANK DAN AKAUN	:

PEGAWAI JKR YANG BOLEH DIHUBUNGI:

- (i) (NAMA)
JURUTERA AWAM PENGUASA JALAN
JKR NEGERI
NO. TELEFON PEJABAT
E-MEL

- (ii) (NAMA)
JURUTERA DAERAH
JKR DAERAH
NO. TELEFON PEJABAT
E-MEL

- (iii) (NAMA)
JURUTERA JALAN
JKR DAERAH
NO. TELEFON PEJABAT
E-MEL

5. Turut dikemukakan bersama-sama ini dokumen sebagaimana berikut:

- (i) Invois tuntutan yang telah diperakukan
- (ii) Laporan ringkas kerja yang telah dilaksanakan

6. Sila maklumkan kepada Jabatan ini setelah pembayaran tersebut telah dibuat oleh YBhg. Dato'/ tuan.

Sekian, terima kasih.

(T/Tangan Pengarah JKR Negeri)
(Nama Pengarah JKR Negeri)

s.k:

- 1. Jurutera Daerah (Nyatakan JKR Daerah & Alamat)
- 2. Pengarah
Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (Nyatakan Alamat)

LETTER HEAD PEJABAT JKR DAERAH

Ruj. Kami :
Tarikh :

(NAMA & ALAMAT PENGARAH JKR NEGERI)

YBhg. Dato' / Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA : INVOIS TUNTUTAN BAGI KERJA PEMBAIKAN *JALAN/
ASET JALAN/ SEMPADAN ROW YANG DILAKSANAKAN
OLEH PIHAK KETIGA DISEBABKAN UTILITI
(*sila pilih yang berkaitan)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pejabat ini telah menyemak invois tuntutan bagi kerja pembaikan *jalan/ aset jalan/ sempadan ROW (sila pilih yang berkaitan) yang dilaksanakan oleh ____ (sila nyatakan syarikat pihak ketiga).

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dikemukakan laporan ringkas untuk kerja yang telah dilaksanakan dan invois tuntutan tersebut yang telah diperakukan oleh pejabat ini untuk dibuat bayaran sebanyak RM ____ (sila nyatakan jumlah tuntutan yang diperakukan dalam invois) melalui jaminan bank no. ____ (sila nyatakan rujukan nombor jaminan) dengan amaun jaminan sebanyak RM ____ (sila nyatakan amaun jaminan bank).

Sekian, terima kasih.

(T/Tangan Jurutera Daerah)
(Nama Jurutera Daerah)

LETTER HEAD JKR NEGERI

Ruj. Kami :
Tarikh :

(NAMA & ALAMAT BANK YANG MENJAMIN)

Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA PEMOHON)
PERKARA : TUNTUTAN KE ATAS JAMINAN BANK BAGI KERJA
PEMBAIKAN YANG DILAKSANAKAN OLEH PIHAK KETIGA
YANG DILANTIK JKR

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Jabatan ini ingin membuat tuntutan ke atas jaminan bank yang dikemukakan oleh _____ (nyatakan syarikat utiliti/ pemaju) bagi kerja pembaikan yang dilaksanakan oleh _____ (nyatakan syarikat yang dilantik JKR).

3. Sehubungan dengan itu, maklumat berkaitan tuntutan adalah seperti berikut:

RUJUKAN NO. JAMINAN BANK :

JUMLAH JAMINAN BANK : RM

JUMLAH TUNTUTAN : RM

PEMBAYARAN KEPADA : (nyatakan syarikat yang dilantik JKR)

NAMA BANK DAN AKAUN :

PEGAWAI JKR YANG BOLEH DIHUBUNGI:

(i) (_____ NAMA _____)
JURUTERA AWAM PENGUASA JALAN
JKR NEGERI _____
NO. TELEFON PEJABAT _____
E-MEL _____

(ii) (_____ NAMA _____)
JURUTERA DAERAH
JKR DAERAH _____
NO. TELEFON PEJABAT _____

E-MEL

(iii) (NAMA)
JURUTERA JALAN
JKR DAERAH
NO. TELEFON PEJABAT
E-MEL

4. Bersama-sama ini juga dikemukakan dokumen sebagaimana berikut:

- (i) Invois tuntutan yang telah diperakukan; dan
- (ii) Laporan ringkas kerja yang telah dilaksanakan

5. Untuk tujuan rekod pejabat ini, sila pihak tuan kemukakan kepada pejabat ini salinan bukti pembayaran yang telah dibuat.

Sekian, terima kasih.

(T/Tangan Pengarah JKR Negeri.)
(Nama Pengarah JKR Negeri)

s.k: Jurutera Daerah (Nyatakan Daerah & Alamat)

LETTER HEAD JKR NEGERI

Ruj. Kami :
Tarikh :

(NAMA SYARIKAT & ALAMAT PIHAK KETIGA YANG DILANTIK JKR)

Tuan,

**PERKARA :PEMAKLUMAN MENGENAI STATUS BAYARAN
BERHUBUNG KERJA_____ (SILA NYATAKAN)**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa bayaran telah dibuat bagi kerja _____(sila nyatakan) yang dilaksanakan oleh tuan.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dikemukakan bukti pembayaran tersebut sebagai rujukan dan makluman tuan.

Sekian, terima kasih.

(T/Tangan Pengarah JKR Negeri.)
(Nama Pengarah JKR Negeri)

s.k: Jurutera Daerah (Nyatakan Daerah & Alamat)

LAPORAN POLIS

Pada____(sila masukkan tarikh) masa____(sila masukkan masa), saya____(sila masukkan nama dan jawatan) dari JKR Daerah/ Negeri____(nyatakan pejabat) telah menerima aduan daripada orang awam/ telah menemui sendiri (nyatakan punca maklumat diterima) berhubung____(sila nyatakan perkara yang berlaku seperti jalan mendap/ jalan ditampal tidak sempurna/ jalan berlubang) di Jalan Persekutuan____ (nyatakan lokasi sebenar dan no. laluan) .

Hasil siasatan yang dibuat oleh saya/ Jurutera saya/ Penolong Jurutera saya (pilih yang berkaitan) mendapati terdapat kesan-kesan/kerja-kerja penanaman (pilih yang berkaitan) (kabel/paip/nyatakan utiliti) sedang berlangsung/ telah dilaksanakan (pilih yang berkaitan) oleh kontraktor utiliti ____ (nyatakan syarikat utiliti dan Nama Kontraktor sekiranya tahu) / yang saya tidak tahu namanya.

Saya percaya bahawa tindakan pihak utiliti/ kontraktor tersebut adalah tidak berpandukan kepada Seksyen 85 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] kerana pihak utiliti terbabit/Kontraktor telah gagal untuk mendapatkan kebenaran daripada Menteri yang dipertanggungjawabkan bagi Kerja Raya sebagaimana yang dikehendaki di bawah peruntukan Seksyen 85 (1) Akta Pengangkutan Jalan [Akta 333].

Saya percaya pelanggaran peruntukan Seksyen 85 (1) Akta Pengangkutan Jalan tersebut boleh dihukum di bawah Seksyen 85 (7), jika disabitkan, dengan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit (RM10,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

Laporan ini bertujuan supaya suatu siasatan dilakukan oleh pihak polis terhadap pelaku kesalahan dan pihak JKR Daerah/ Negeri____(nyatakan pejabat) tidak bertanggungjawab di atas sebarang tuntutan daripada pihak ketiga.
Sekian laporan saya.

SENARAI SEMAK PERMOHONAN KELULUSAN/ PERMIT PEMASANGAN UTILITI DI JALAN PERSEKUTUAN

NO.	PERKARA	TANDAKAN (✓)	
		PEMOHON	JKR
1	Borang yang telah lengkap diisi: JKR/P-02/ 2020 JKR/P-03/ 2020 JKR/P-04/ 2020 JKR/P-05/ 2020	☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐
2	Deposit keselamatan (Jaminan Bank): i) Senario 1 ii) Senario 2	☐ ☐	☐ ☐
	Deposit keselamatan (Bon pelaksanaan) iii) Senario 3	☐	☐
3	3 set pelan Pelan (saiz A1) yang menunjukkan: i) Nama, tandatangan dan alamat pemohon dan perunding. ii) Pelan Kunci dengan skala 1:50,000 atau 1: 100,000 (yang mana bersesuaian), Pelan berkenaan menunjukkan seksyen, arah dan jarak antara lokasi ke bandar berdekatan. iii) Pelan Lokasi dengan skala 1:5,000 atau 1: 10,000 (yang mana bersesuaian) yang menunjukkan laluan utiliti awam dengan terperinci. iv) Nama Jalan Persekutuan dan no. laluan, sempadan ROW jalan yang terlibat dan lot tanah bersebelahan v) Cadangan laluan utiliti vi) Keratan rentas rezab jalan, perparitan dan siarkaki (termasuk kerb, outlet pipe, jubin, bolard, kemudahan OKU dan lain-lain) yang menunjukkan cadangan saiz paip/kabel, jarak daripada garisan tepi sediaada, paip/kabel sediaada, joint box, lurang, longkang, sump, penutup longkang, slab dan lain-lain. vii) Butiran pada pelan telah diwarnakan dengan warna berbeza dan diberikan "Legend". viii) Semua dokumen dan pelan disahkan oleh Jurutera Profesional (Dengan Perakuan Amalan) / Jurutera Perunding. ix) Pelan hendaklah dilipat dalam saiz A4 dan sediakan ruang kosong di sebelah atas kanan bersaiz 100mm x 100mm (4" x 4").	☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐
4	3 set Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM) selaras dengan Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil.1 Tahun 2006 Garis Panduan Pemetaan Utiliti Bawah Tanah dan Bil.2 Tahun 2016 Garis Panduan Penerimaan Data Digital dan Pelan Utiliti dari Juruukur Tanah Bertauliah	☐	☐
5	2 laporan bergambar	☐	☐

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA.

Permohonan ini: * **lengkap / tidak lengkap**

No. Fail Permit:

Ulasan:.....

Disemak oleh: - Tandatangan : Tarikh :

Nama/cop

BORANG PERMOHONAN KELULUSAN/ PERMIT PEMASANGAN UTILITI

Kepada: Pengarah JKR Negeri ____

Ruj. Kami :

Tarikh :

YBhg. Dato/ tuan,

Nama Projek/ Kerja:

A. Maklumat Asas (*No 1-4 maklumat wajib, No. 5 sekiranya berkenaan)

1. Maklumat Pemohon (Syarikat/ Penyedia/ operator/ koridor utiliti/ Syarikat selain utiliti atau pemaju swasta/ Kementerian/ Jabatan Kerajaan):
 - a) Nama syarikat :
 - b) Alamat :
 - c) No. Telefon :
 - d) Pegawai Bertanggungjawab:
2. Maklumat Jurutera Profesional/ Jurutera Perunding
 - a) Nama :
 - b) Alamat :
 - c) No. Telefon :
 - d) Pegawai Bertanggungjawab:
3. Maklumat Kontraktor Kerja Utiliti:
 - a) Nama :
 - b) Alamat :
 - c) No. Telefon :
 - d) Pegawai Bertanggungjawab:
4. Maklumat Kontraktor Kerja Sivil:
 - a) Nama :
 - b) Alamat :
 - c) No. Telefon :
 - d) Pegawai Bertanggungjawab:

5. Maklumat Kontraktor Kerja Elektrik:

- a) Nama :
- b) Alamat :
- c) No. Telefon :
- d) Pegawai Bertanggungjawab:

B. Butiran Projek/ Kerja

1. Keterangan Projek/ Kerja

a) Jenis Utiliti (sila tandakan yang berkenaan)

- i. Bekalan Elektrik ()
- ii. Bekalan Air ()
- iii. Telekomunikasi ()
- iv. Gas ()
- v. Pembetung ()
- vi. Lain-lain (sila nyatakan): _____

2. Lokasi Kerja

- a) Nama Jalan dan No. Laluan:
- b) Dari KM.....ke KM.....
- c) Jumlah Panjang Terlibat:m
- d) i. Koordinat Mula:
ii. Koordinat Tamat:

3. Kaedah Kerja (sila tandakan yang berkenaan)

- a) Korekan Bahu Jalan (Kawasan Unpaved) ()
- b) Micro Tunnelling / Pipe Jacking/ Thrustboring/ HDD ()
- c) Lain-lain (sila nyatakan): _____

4. Jangkaan tempoh kerja pemasangan utiliti : minggu

C. Deposit Keselamatan (sila tandakan yang berkenaan)

1. Senario 1 (jaminan bank, pengiraan seperti di bawah) ()
2. Senario 2 (jaminan bank, pengiraan seperti di bawah) ()
3. Senario 3 (bon pelaksanaan projek) ()

Bil.	Kaedah Pemasangan	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Bayaran (RM)
1	<i>Horizontal Directional Drilling (HDD)</i>				
	i. Jalan (Lebar <i>carriageway</i>) - merentangi jalan	Per meter		1,000.00	
	ii. Sepanjang bahu jalan	Per meter		0.00	
	iii. Pit	Per <i>pit</i>		8,000.00	
2	<i>Micro Tunnelling / Pipe Jacking/ Thrust Boring</i>				
	i. Jalan (Lebar <i>carriageway</i>) - merentangi jalan	Per meter		1,800.00	
	ii. Sepanjang bahu jalan	Per meter		0.00	
	iii. Pit	Per <i>pit</i>		12,000.00	
3	i. Diameter utiliti < 500mm				
	Korekan Bahu Jalan (Kawasan Unpaved)	Per meter		200.00	
	ii. Diameter utiliti > 500mm				
	Korekan Bahu Jalan (Kawasan Unpaved)	Per meter		330.00	
4	Tambatan/ sokongan paip air <i>expose</i> - hanya dibenarkan di kawasan cerun (kawasan potongan atau tambakan)	Nos		1,000.00	
5	Pemasangan tiang	Nos		500.00	
6	Pembersihan Tapak	Pukal		5,000.00	
7	Pelan Kawalan Trafik (TCP)	Per hari per lokasi		1,700.00	
8	Di kawasan <i>carriageway</i> / permukaan berturap (berdasarkan justifikasi di tapak):				
	i. Diameter utiliti < 500mm	Per meter/ lane		1,800.00	
	ii. Diameter utiliti > 500mm	Per meter/ lane		2,400.00	
	iii. Pit	Nos		25,000.00	
Jumlah RM					

Isi yang mana berkenaan

D. Lain-lain Maklumat Tambahan

E. Saya/ kami dengan ini akur untuk mematuhi segala syarat yang ditetapkan dalam Permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti di jalan Persekutuan ini iaitu:

1. Syarat - syarat semasa menjalankan kerja pemasangan.
2. Arahan yang diberikan pihak JKR dari semasa ke semasa.
3. Mengemukakan semua dokumen yang diperlukan sebelum, semasa dan selepas kerja pemasangan utiliti dijalankan.
4. Melantik Jurutera Profesional Awam (Dengan Perakuan Amalan)/ Jurutera Perunding Awam untuk merekabentuk dan mengawasi segala kerja-kerja pemasangan utiliti di tapak dan segala kerja yang bersangkutan.
5. Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas utiliti yang dipasang oleh saya/kami dan melaksanakan pembaikan sebagaimana yang diarahkan oleh pihak JKR sehingga sempurna mengikut masa yang ditetapkan ke atas apa-apa kerosakan di jalan/ perabot jalan/ kelengkapan jalan atau apa-apa yang berada di dalam sempadan ROW jalan Persekutuan yang disebabkan semasa kerja pemasangan utiliti saya/kami atau yang disebabkan oleh utiliti saya/ kami dengan kos ditanggung sepenuhnya oleh saya/kami.
6. Sekiranya pihak saya/ kami gagal melaksanakan kerja mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan atau gagal mematuhi arahan pembaikan yang dikeluarkan, maka pihak JKR berhak melantik pihak ketiga bagi membaikpulih ke atas apa-apa yang berlaku selaras dengan Seksyen 85(2) Akta 333 atau apa-apa kerosakan yang disebabkan semasa kerja pemasangan utiliti saya/kami atau yang disebabkan oleh utiliti saya/ kami. Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung bagi melaksanakan pembaikan tersebut akan ditolak daripada deposit keselamatan yang dibayar selaras dengan Seksyen 85(4) Akta 333. Sekiranya deposit keselamatan yang dibayar tidak mencukupi, lebihan perbelanjaan yang ditanggung merupakan suatu hutang yang akan dituntut kepada saya/ kami.
7. Permohonan saya/ kami akan dibekukan oleh pihak JKR untuk suatu tempoh yang diputuskan oleh Pengarah JKR Negeri lantaran kegagalan pihak saya/ kami untuk mengambil tindakan membaik pulih tersebut.

8. Pegawai-pegawai JKR berhak memeriksa pada bila-bila masa kerja yang sedang saya/ kami jalankan.
9. Mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan bagi mengalihkan atau mengubahsuai atau apa-apa kerja yang bersangkutan dengan kerja-kerja yang ingin dilaksanakan oleh pihak Kerajaan seperti naiktaraf jalan, membaiki cerun, memperelokkan jalan dan sebagainya. Segala kos yang terbit daripada kerja mengalihkan atau mengubahsuai atau apa-apa kerja yang bersangkutan akan ditanggung sepenuhnya oleh saya /kami dan tiada tuntutan yang akan dibuat ke atas Kerajaan.
10. Bertanggungjawab ke atas keselamatan orang ramai, dan menanggung rugi Kerajaan atas apa-apa tuntutan, prosiding, kerugian, pampasan dan kos tindakan akibat daripada kerosakan harta benda dan lain-lain liabiliti pihak ketiga akibat daripada kerja-kerja saya/kami.
11. Pihak Kerajaan akan dilepaskan dari apa-apa tuntutan, prosiding, kerugian, kerosakan, pampasan dan kos tindakan mahkamah oleh pihak ketiga serta apa jua kehilangan berbangkit atau berkaitan dengan kerja-kerja saya/ kami yang dialami oleh Kerajaan.
12. Kesemua syarat-syarat di atas adalah kekal berkuatkuasa dan mengikat saya/kami, pewarisnya dan/atau orang yang diserahkan hak (*assignee*).

Tandatangan Pemohon

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

(Pengarah JKR Negeri)

Nama

Jawatan:

Tarikh:

Akujanji Antara Pemohon Dan Pengarah JKR Negeri

Adalah saya/kami dengan ini bersetuju untuk bertanggungjawab sepenuhnya ke atas utiliti yang dipasang oleh saya/kami. saya/kami dan berjanji akan melaksanakan pembaikan sebagaimana yang diarahkan oleh pihak JKR atau selaras dengan apa-apa yang termaktub dalam Seksyen 85(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] sehingga sempurna ke atas apa-apa yang berlaku selaras dengan Seksyen 85(2) Akta 333 atau apa-apa kerosakan di mana-mana jalan/ perabot jalan/ kelengkapan jalan atau apa-apa yang berada di dalam sempadan ROW jalan Persekutuan yang disebabkan semasa kerja pemasangan utiliti saya/kami atau yang disebabkan oleh utiliti saya/ kami mengikut masa yang ditetapkan dengan kos ditanggung sepenuhnya oleh saya/kami.

Saya/Kami bersetuju sekiranya pihak saya/kami gagal melaksanakan kerja mengikut syarat-syarat yang telah dipersetujui atau gagal mematuhi arahan pembaikan yang dikeluarkan, maka pihak JKR berhak melantik pihak ketiga bagi membaikpulih ke atas apa-apa yang berlaku selaras dengan Seksyen 85(2) Akta 333 atau apa-apa kerosakan yang disebabkan semasa kerja pemasangan utiliti saya/kami atau yang disebabkan oleh utiliti saya/ kami.

Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung bagi melaksanakan pembaikan tersebut akan ditolak daripada deposit keselamatan yang dibayar selaras dengan Seksyen 85(4) Akta 333. Sekiranya deposit keselamatan yang dibayar tidak mencukupi, lebihan perbelanjaan yang ditanggung merupakan suatu hutang yang akan dituntut kepada saya/ kami.

Selanjutnya, permohonan saya/ kami akan dibekukan oleh pihak lantaran kegagalan pihak saya/kami untuk mengambil tindakan membaik pulih tersebut.

Saya/Kami bersetuju untuk mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak JKR bagi mengalihkan atau mengubahsuai atau apa-apa kerja yang bersangkutan dengan utiliti saya/kami yang terlibat dengan kerja-kerja oleh pihak JKR seperti naiktaraf jalan, membaiki cerun, memperelokkan jalan dan sebagainya. Segala kos yang terbit daripada kerja mengalihkan atau mengubahsuai atau apa-apa kerja yang bersangkutan akan ditanggung sepenuhnya oleh saya/kami dan tiada tuntutan yang akan dibuat ke atas Kerajaan.

Saya/Kami bersetuju untuk bertanggungjawab ke atas keselamatan orang ramai, dan menanggung rugi Kerajaan atas apa-apa tuntutan, prosiding, kerugian, pampasan dan kos tindakan akibat daripada kerosakan harta benda dan lain-lain liabiliti pihak ketiga akibat daripada kerja-kerja saya/kami.

Akujanji di antara Pemohon Dan Pengarah JKR Negeri

Saya/Kami juga bersetuju melepaskan Kerajaan dari apa-apa tuntutan, prosiding, kerugian, kerosakan, pampasan dan kos tindakan mahkamah oleh pihak ketiga serta apa jua kehilangan berbangkit atau berkaitan dengan kerja-kerja saya/kami yang dialami oleh Kerajaan.

Saya/Kami juga bersetuju bahawa kesemua syarat-syarat di atas adalah kekal berkuatkuasa dan mengikat saya/kami, pewarisnya dan/atau orang yang diserahkan hak (*assignee*).

Tandatangan Pemohon

Saksi Pemohon
(Syarikat Utiliti)

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Di hadapan saya,

Saksi (Pegawai JKR)

(Pengarah JKR Negeri)

Nama

Jawatan:

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

BORANG PEMERIKSAAN JALAN/ ASET JALAN

Borang ini digunakan bagi mengenalpasti aset jalan dan memastikan bahawa aset jalan adalah dalam keadaan baik/memenuhi keperluan sebelum kerja dilaksanakan.

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA)
LOKASI : (SILA MASUKKAN FT DAN NO. SEKSYEN)

Bil	Perkara	Informasi/Ulasan
1	Jalan/ aset jalan:	* Pavemen/ Papan tanda/ <i>guardrail</i> / pembetung/ longkang/ <i>sump</i> / bahu jalan berturap/ bahu jalan tidak berturap/ lain-lain (nyatakan):
2.	Tarikh pemeriksaan dibuat:	
3.	Nama dan jawatan wakil JKR yang hadir:	
4.	Keadaan jalan/ aset jalan semasa pemeriksaan:	Baik/ rosak/ lain-lain (nyatakan):
5.	Masalah lain (jika ada): (contoh: kereta tersadai/ bangunan haram)	
6.	Ulasan lain (jika ada) :	

Tandatangan Wakil JKR :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

LETTER HEAD JURUTERA PROFESIONAL /JURUTERA PERUNDING

Ruj. Kami :
Tarikh :

(NAMA & ALAMAT PENGARAH JKR NEGERI)

YBhg. Dato' / Tuan,

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA)

**PERKARA :PEMAKLUMAN DILANTIK SEBAGAI JURUTERA
PROFESIONAL AWAM (DENGAN PERAKUAN AMALAN)/
JURUTERA PERUNDING AWAM**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya_____(sila nyatakan nama jika melantik Jurutera Profesional)/ kami_____(Nama Firma Perunding Kejuruteraan sekiranya melantik Jurutera Perunding).*potong yang tidak berkaitan*, ingin memaklumkan bahawa saya / kami telah dilantik sebagai Jurutera Profesional Awam/ Jurutera Perunding bagi pengawasan kerja-kerja pemasangan utiliti sehinggalah kepada pembaikan Jalan atau rizab Jalan JKR yang diakibatkan oleh utiliti atau diakibatkan oleh kerja-kerja berkaitan utiliti untuk projek berkenaan.

3. Sehubungan itu, saya / kami sebagai seorang profesional akan melaksanakan tugas tersebut sebaik mungkin sebagaimana yang digariskan dalam Peraturan-peraturan Pendaftaran Jurutera 1990 yang dibuat di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967.

4. Bersama-sama ini dilampirkan maklumat-maklumat terperinci untuk rujukan pihak YBhg. Dato' / tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(_____ Tandatangan _____)
(Nama Jurutera Profesional / Jurutera Perunding)

Ruj. Kami :

(Isi di bawah jika Jurutera Profesional)

Nama Jurutera	:		Nama Pemohon	:	
No. Tel. Bimbit	:		No. Tel. Bimbit	:	
No. Faks	:		No. Faks	:	
E-mail	:		E-mail	:	

Cop Jurutera Profesional:

(Isi di bawah jika Jurutera Perunding)

Nama Perunding	:		Nama Pemohon	:	
Alamat	:		Alamat	:	
No. Tel. Bimbit	:		No. Tel. Bimbit	:	
No. Faks	:		No. Faks	:	
E-mail	:		E-mail	:	

Cop Jurutera Profesional:

CHECKLIST SEBELUM MEMULAKAN KERJA PEMASANGAN UTILITI

Selaras dengan perkara No. 4 dalam Surat Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti ruj:

.....(Rujuk LAMPIRAN J)

Bertarikh:.....(Rujuk LAMPIRAN J)

PROJEK/ KERJA : (SILA MASUKKAN PROJEK/ KERJA)
LOKASI : (SILA MASUKKAN FT DAN NO. SEKSYEN)

Bil.	Perkara	Status (tanda √ di petak berkenaan)	
		Ya	Tidak
i.	Kemuka program kerja kepada Jurutera Daerah JKR.		
ii.	Peranti kawalan trafik (<i>traffic control devices</i>):		
	a. Disediakan di kawasan kerja selaras TCP yang dikemukakan.		
	b. Pemeriksaan oleh pihak Jurutera Daerah JKR.		

Keputusan : Boleh mula kerja/ Tidak boleh mula kerja *

**potong yang tidak berkaitan*

Sila ambil tindakan untuk** :

***sekiranya "Tidak boleh mula kerja", pilih (i) atau (ii)(a) atau (ii)(b) untuk pemohon ambil tindakan*

Tandatangan Jurutera Daerah JKR :

Tarikh :

Cop Nama Jurutera Daerah JKR :



Cawangan Senggara Fasiliti Jalan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Kuala Lumpur